

**Jilid II  
Bil. 30**



**Hari Khamis  
20hb Disember, 1984**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**

*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3909]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman [Ruangan 3949]**

**Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 3965]**

**Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 3972]**

**Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) [Ruangan 3976]**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) [Ruangan 4011]**

- Yang Berhormat TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)
- ” DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN NYANAPANDITHAN (Selangor)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG YAU KET (Sabah)
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)

MALAYSIA

## PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik)
- ” LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N., (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P. B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

---

Khamis, 20hb Disember, 1984

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**MENARIK BALIK SOALAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang Dipertua, saya tarik balik soalan saya kerana Yang Berhormat Menteri sudah menjawab.

**PROJEK PEMBANGUNAN  
PETANI BERSEPADU  
PAHANG BARAT**

2. **Tuan Ibrahim bin Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada projek pembangunan petani bersepadu Pahang Barat itu telah dijalankan sebagaimana yang dirancang; jika ya, nyatakan kejayaan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang Dipertua, projek pembangunan pertanian bersepadu Pahang Barat dijalankan seperti yang dirancang selaras dengan perancangan semula yang telah dipersetujui dengan Bank Pembangunan Asia yang membiayai sebahagian daripada kos projek ini. Mengikut perancangan semula ini, pelaksanaan projek bermula pada tahun 1983 dan

tamat pada 1989. Komponen-komponen projek adalah terdiri daripada komponen pembangunan koko dan buah-buahan seluas 2,525 hektar. Skim kawasan printis yang melibatkan 9 buah kampung tradisional perkhidmatan sokongan pertanian dan perkhidmatan perunding secara latihan. Komponen-komponen tersebut dijangka akan menelan belanja sebanyak \$22.8 juta. Projek ini juga meliputi komponen pembangunan ladang, pekebun-pekebun kecil yang akan dijalankan oleh FELCRA untuk memajukan tanaman getah dan kelapa sawit seluas 10,000 hektar dengan perbelanjaan sebanyak \$92.89 juta.

Sehingga kini pihak FELCRA sedang dalam proses untuk memajukan kawasan seluas 3,627 hektar dengan tanaman getah dan kelapa sawit sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Jabatan Pertanian juga sedang memajukan tanaman koko dan buah-buahan seluas 150 hektar pada tahun 1984. Pada masa yang sama, Unit Pengurusan Projek yang berpejabat di bandar Termerloh sedang menjalankan perancangan terperinci bagi 9 buah kampung tradisional di bawah komponen skim kawasan printis.

**MUTU BERAS MALAYSIA**

3. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mutu beras Malaysia tidak dapat menandingi mutu beras luar negeri; jika sedar, nyatakan langkah-langkah dan usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan serta nyatakan hingga ke hari ini sama ada

ahli-ahli sains kita telah berjaya mengeluarkan padi yang baik dan beras bermutu tinggi.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang Dipertua, mutu beras bergantung kepada keadaan fizikal, kimia, pengilangan dan pemakanan. Faktor-faktor ini keseluruhannya mempengaruhi mutu satu-satu jenis padi. Kebiasaannya, tiada satu jenis padi pun yang mempunyai kesemua ciri-ciri di atas ditahap yang paling tinggi serentak.

Unsur-unsur genetik (baka) adalah faktor yang terpenting menentukan mutu. Aspek-aspek persekitaran seperti cuaca dan tanah secara tidak langsung mempengaruhi tahap pencapaian potensi baka di atas.

Jenis-jenis padi yang diisytihar di Malaysia mengambil kira tahap mutu beras yang boleh diterima oleh pelanggan di samping menjamin daya penghasilan yang memuaskan (4.5 — 5.5 tan sehektar dalam jangka masa 125 hari ke 135 hari). Sebaliknya, beras yang bermutu tinggi seperti Siam 1, tidak dapat memberi hasil yang tinggi. (Penentuan genetik hanya berupaya menghasilkan 2—3 tan sehektar dan jangka masa pertumbuhan yang lama iaitu dari 150 hari ke 160 hari).

Bagaimanapun, usaha-usaha giat dijalankan dalam bidang genetik dan baikbaka untuk meningkatkan lagi mutu beras dari tahap yang sudah memuaskan sekarang ke tahap yang lebih tinggi di samping mempertahankan ciri-ciri lain seperti kematangan 125 — 135 hari, hasil tinggi, rentang terhadap musuh-musuh dan lain-lain.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya di atas mutu beras luar negeri tidak dapat ditandingi dalam negara kita ini. Saya ingin bertanya kerana banyak sangat beras-beras seperti Malinja dan sebagainya yang ada sekarang ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan dari padi-padi

yang ada di Malaysia ini apakah beras yang paling baik sekali yang boleh menandingi beras di luar negeri — apakah nama padi itu?

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang Dipertua, tidak usah saya bagi tahu mana satu di antara beras yang baik ini oleh kerana Yang Berhormat telahpun mengetahui apakah jenis beras yang dianggap baik tadi. Sekarang pihak MARDI dengan daya usahanya menentukan yang mana satu yang lebih baik daripada beberapa jenis padi yang telah pun diisytiharkan tidak lama dahulu.

#### SENJATAPI—PENYELIDIKAN

**4. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa berlakunya beberapa rompakan di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah disebabkan kerana mudahnya senjata api diseludup dari negara Thai dan jika sedar, nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengawal dan memperketatkan kawalan supaya penyeludupan senjata tidak boleh berlaku.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya, sememangnya menjadi sasaran penjenayah-penjenayah termasuk perompak-perompak bersenjata, Walau bagaimanapun, kejadian-kejadian rompakan bersenjata yang berlaku di sini bukanlah semata-mata berpunca dari mudahnya senjata diseludup masuk ke negara ini. Kebanyakan rompakan berlaku disebabkan oleh mangsa-mangsa itu sendiri seperti membawa barang-barang kemas dengan jumlah yang banyak dari satu tempat ke tempat lain tanpa kawalan yang lengkap ataupun pergerakan mereka mudah di kesan oleh perompak-perompak itu.

Perkara yang tidak diinginkan ini mungkin dapat dielakkan atau

dikurangkan jika orang ramai lebih berhati-hati dan sentiasa memberi kerjasama kepada pihak Polis misalnya dengan melaporkan maklumat-maklumat seperti kejadian yang disyaki oleh mereka sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga di bawah akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 menetapkan bahawa sesiapa yang melepaskan tembakan semasa melakukan rompakan boleh dihukum mati, siapa yang melakukan rompakan dengan menunjukkan senjatapi boleh dihukum penjara seumur hayat dan sebat tidak kurang 6 kali. Dan sesiapa yang memiliki senjatapi pada dirinya semasa melakukan kesalahan merompak boleh dipenjarakan seumur hayat.

Pihak Polis sentiasa mengawal kemasukan senjatapi dari negara-negara jiran. Dalam hal ini juga Kerajaan sentiasa mengharapkan kerjasama orang ramai memandangkan negara kita mempunyai sempadan laut dan darat yang sangat luas.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam tahun 1984 berapa banyakkah rompakan-rompakan senjatapi yang dilakukan oleh pihak perompak-perompak di negara ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepada bulan September tahun ini jumlah laporan yang diterima ialah sebanyak 575 laporan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, tadi telah pun diterangkan tentang rompakan yang menggunakan senjatapi dan seterusnya. Saya ingin bertanya di sini kerana ini selalu sangat kita dengar iaitu cara mereka ini merompak secara pukau yang mana selalu sangat terjadi yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram dari negara-negara jiran kita ini.

Oleh itu, adakah pihak Kementerian mendapat tahu betul ataupun tidak cara yang dibuat seperti pukau dan seterusnya yang dinyatakan dalam suratkhbar dan seterusnya dan di samping itu juga kalau bersabit kesalahan, apakah kesalahan ini boleh didenda dan seterusnya apakah denda-denda lain yang dihadapkan kepada mereka.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, dari maklumat yang diterima ada beberapa cara yang mana perompak tadi melakukan jenayah ini termasuklah pukau sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi dari segi undang-undang bila seseorang itu ditangkap dan dikesan kesalahannya oleh mahkamah, hukumannya seperti yang telah saya terangkan tadi siapa yang melepaskan tembakan dalam rompakan, melakukan rompakan mesti dihukum gantung dan siapa yang memiliki tetapi menunjuk (exhibit) tetapi tidak menembak mesti dihukum sehayat hidup dan disebat sekurang-kurangnya 6 kali dan siapa yang memiliki walaupun tidak ditembak, tidak diexhibit, dia mesti dihukum sehayat hidup.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan setakat hari ini rampasan-rampasan senjatapi daripada perompak-perompak itu daripada manakah senjatapi itu dibawa oleh perompak-perompak itu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun ini sahaja pihak Polis telah berjaya mengesan dan menangkap di Semenanjung Malaysia 61 butir senjatapi dan di Sabah dan Sarawak 13 butir, bermakna 74 butir dan kebanyakannya terdiri daripada jenis pistol ataupun revolver. Dari siasatan yang dijalankan didapati bahawa kebanyakan senjatapi-senjatapi tersebut diseludup masuk daripada negara jiran di utara berdekatan dengan negeri Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*).

## BILIK HOTEL BERTARAF ANTARABANGSA

5. **Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa banyakkah jumlah bilik-bilik hotel bertaraf antarabangsa yang ada pada tahun ini, tahun 1985 dan 1986 dan sama ada satu "masterplan" dibuat tentang jumlah sebenar yang diperlukan supaya tidak berlebihan hingga boleh menjejaskan industri ini.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau):** Tuan Yang Dipertua, jumlah bilik hotel di Wilayah Persekutuan tahun 1984 ialah 5,100. Dari jumlah ini 4,200 bilik hotel adalah bertaraf antarabangsa. Angka-angka ini bergantung kepada definisi hotel bertaraf antarabangsa. Pada masa ini juga terdapat 6 buah hotel di dalam peringkat pembinaan. Ini akan memberikan sejumlah 2,980 bilik-bilik hotel bertaraf antarabangsa. Hotel-hotel ini dijangka akan siap dibina pada tahun 1985 — 86.

Walaupun tidak terdapat sebarang pelan induk pembangunan hotel di Kuala Lumpur tetapi pelan struktur Kuala Lumpur yang baru-baru ini diwartakan telah memperuntukkan dasar pembangunan hotel seperti berikut:

- (a) Pertumbuhan hotel bertaraf antarabangsa akan digalakkan di dalam kawasan pembangunan pusat bagi membantu Kuala Lumpur menjadi pusat perniagaan antarabangsa dan menggalakkan pelancongan;
- (b) Unjuran bilangan bilik hotel yang bertaraf antarabangsa untuk Kuala Lumpur sehingga tahun 2000 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilik hotel</i>
1985	6,750 hingga 7,560
1990	8,560 hingga 9,840
2000	14,240 hingga 19,840

Pembangunan hotel-hotel antarabangsa pada masa hadapan akan dikawal mengikut angka-angka unjuran di atas.

Selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan-pembangunan hotel bertaraf ekonomi akan digalakkan juga di Kuala Lumpur. Ini adalah untuk memudahkan pelancong-pelancong dari kategori "low budget", dengan izin, tempatan serta antarabangsa melawat bandaraya ini. Insentif-insentif juga akan diberi untuk pembangunan hotel-hotel jenis ini.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyoal Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang satu kajian yang dibuat oleh persatuan hotel-hotel di Malaysia ini yang menunjukkan dalam jangka masa 2 tahun yang akan datang iaitu jumlah pelancong akan berkurangan sebanyak 50% dan ini akan juga dengan secara langsung akan mengakibatkan agak sebanyak 50% daripada jumlah bilik itu tidak akan dapat penghuni-penghuninya walhal pihak industri-industri perhotelan akan menambah jumlah bilik daripada 5,100 pada tahun ini hingga kepada lebih 7,000 bilik hingga tahun 1985 — 86. Apakah strategi Kerajaan bagi menentukan agar hotel-hotel yang bakal siap ini tidak akan mengalami kerugian dan apakah jalan yang boleh dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menentukan yang kadar ini tidak akan merosot lebih lanjut lagi pada tahun-tahun yang selepas itu.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi pembangunan hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa di Wilayah Persekutuan pada masa hadapan akan dikawalan mengikut angka-angka yang saya beri.

Ahli Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa mungkin kekurangan pelancong-pelancong yang melawat negara kita hampir 50%. Ini cuma satu expectation sahaja, dengan izin. Kalau kita tinjau keadaan sekarang ini yang

mana pada tahun 1984 dan 5,100 buah bilik hotel, yang 4,200 bilik itu bertaraf antarabangsa kita belum pun mendapat sebarang aduan atau komplemen daripada persatuan hotel-hotel mengalami kerugian. Sebaliknya pula, dari masa ke semasa kita telahpun mendengar bahawa kadar sewa bilik itu bertambah pula.

Saya percaya ini adalah daripada bertambahnya pelancong-pelancong di negara kita dan juga berkembangnya perniagaan hotel-hotel di negara kita ini.

### **PERDA/KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG — KERJASAMA**

**6. Datuk Ishak bin Abdul Rahman:** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:—

- (a) sejauh manakah kerjasama yang terdapat antara PERDA dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menentukan kawasan PERDA di Pulau Pinang; dan
- (b) berapakah jumlah keluasan kawasan yang telah dikenal pasti untuk dimajukan oleh PERDA setakat ini.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

(a) Kerjasama yang erat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa diadakan untuk membolehkan PERDA menjalankan aktiviti-aktivitinya. PERDA telahpun mengenal pasti kawasan yang dicadangkan untuk dimajukan dan cadangan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan persetujuannya.

Kawasan PERDA yang dicadangkan adalah di luar kawasan bandar Georgetown, Butterworth dan Bukit Mertajam. Kawasan tersebut meliputi

kawasan tanah-tanah terbiar, kawasan pertanian dan kampung-kampung tradisional.

(b) Dalam tahun 1984 di antara projek-projek yang dikenal pasti untuk dilaksanakan ialah pembangunan semula Kampung Kubang Mendurung yang luasnya ialah 259 ekar atau 106 hektar.

### **BANTUAN MALA PETAKA**

**7. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada kadar bantuan mala petaka (seperti kebakaran) yang maksimumnya \$1,000 itu akan dinaikkan hingga \$5,000.00; jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kebajikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kadar bantuan mala petaka adalah dibayar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, kecuali di Wilayah Persekutuan di mana tanggungjawab tersebut adalah di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Sebenarnya, kadar maksima yang boleh diberi di bawah bantuan ini di semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan ialah sebanyak \$2,000 bagi satu keluarga dan bukannya \$1,000 sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan cadangan untuk menaikkan maksima bantuan mala petaka, Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang mengkaji kedudukan tersebut di Wilayah Persekutuan dan akan mengemukakan cadangan untuk pertimbangan Kerajaan apabila kedudukan kewangan negara mengizinkan.

Berhubung dengan kenaikan kadar di lain-lain negeri, perkara ini adalah di

bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

### PEMANDU-PEMANDU KENDERAAN JALANRAYA

**8. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyediakan peraturan kepada pemandu-pemandu kenderaan jalanraya supaya berpakaian kemas semasa memandu kenderaan terutama bila melalui pekan-pekan.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang Dipertua, peraturan kepada pemandu-pemandu kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam supaya berpakaian kemas semasa memandu kenderaan memang sedia ada. Di bawah Kaedah 15(b), Kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan Dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang), 1959, seseorang pemandu kenderaan perkhidmatan awam itu adalah dikehendaki memakai pakaian yang sopan, kemas dan bersih sentiasa semasa bertugas sebagai pemandu.

Semua pemohon untuk lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam adakah ditemuduga oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan serta diberi penerangan mengenai tatatertib dan kelakuan ketika memandu, termasuk cara berpakaian mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah berkaitan. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah sentiasa mengawasi supaya kaedah-kaedah tersebut dipatuhi.

**Puan Hafsah binti Othman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Semenjak Kerajaan mengenakan peraturan kepada pemandu-pemandu kenderaan jalanraya, berapa ramaikah pemandu-pemandu yang telah diambil tindakan dan apakah hukuman yang dikenakan kepada mereka.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Dipertua, ambil kira dua tahun kebelakangan ini iaitu tahun 1983 — 88 kes sudah diambil tindakan; 1983 — 25 kes. Butir-butir ini adalah untuk Semenanjung Malaysia sahaja dan pesalah-pesalah telah didenda ataupun diberi amaran.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 9.

### PELABURAN ASING — JENIS INDUSTRI

**9. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jenis industri yang akan dibenarkan 100% pelaburan asing dan nyatakan bilangan syarikat di bawah kategori ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada dasarnya industri-industri yang mengeksport 100% pengeluarannya akan dibenarkan 100% ekuiti rakyat asing.

Dalam tempoh 1980 hingga September, 1984 daripada 2,604 projek-projek perkilangan yang telah diluluskan, 121 atau 4.6% merupakan projek-projek yang mempunyai 100% rakyat asing. Daripada jumlah ini pula 82 adalah berorientasikan 100% eksport. Projek-projek ini adalah bagi industri-industri berikut:—

<i>Industri</i>	<i>Bilangan</i>
Barang-barang Elektrik dan Elektronik	65
Pelbagai	11
Tekstil dan barang-barang tekstil	9
Alat-alat sains dan pengukuran	6
Getah dan barang-barang getah	5

<i>Industri</i>	<i>Bilangan</i>
Barang-barang logam dibentuk	5
Kimia dan barang-barang kimia	4
Plastik dan barang-barang plastik	4
Pengilangan Jentera	4
Pengilangan Makanan	2
Barang-barang bukan logam	2
Kulit dan barang-barang kulit	1
Kayu dan barang-barang kayu	1
Kertas, Percetakan dan penerbitan	1
Kelengkapan pengangkutan	1
	121

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan pada suatu masa dahulu saya ingat bahawa untuk menarik industri-industri datang ke Malaysia, memajukan negara ini bahawa diberi industri membuka perkilangan di negara ini dengan diberi taraf perintis selama 5 tahun mereka tidak bayar cukai. Sama ada perkara macam itu berjalan sekarang lagi bagi industri yang baru masuk dikenakan keadaan seperti dulu iaitu sebagai taraf perintis, tidak bayar cukai selama 5 tahun.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, mengikut dasar Kementerian, memang ada diberi kepada industri yang memindahkan teknologinya ke negara kita.

### PENYELUDUP-PENYELUDUP BAYI

**10. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:—

- (i) beberapa ramai penyeludup-penyeludup bayi dari negara jiran yang telah ditangkap; dan

- (ii) sama ada bayi-bayi yang diseludup itu diserahkan balik kepada keluarga-keluarga yang terlibat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, semenjak tahun 1981 hingga bulan Oktober, 1984 Kementerian Dalam Negeri telah mengesan 19 orang bayi yang diseludup daripada negara jiran serta menangkap 29 orang yang terlibat. Dari jumlah orang yang ditangkap kerana terlibat dalam penyeludupan bayi-bayi itu 3 orang telah dikenakan hukuman-hukuman penjara antara 4 bulan hingga 1 tahun dan 7 orang didenda di antara \$100 hingga \$3,000. Apabila dikesan kanak-kanak yang diseludup itu diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri-negeri sempadan untuk tujuan pengawasan.

**Tuan Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan. Sebagaimana yang diterangkan seramai 19 bayi yang telah dibawa masuk ke negara kita. Kemudian dari segi kesan-kesan yang saya dapati, apakah tujuannya bayi itu dimasukkan adakah sama ada di bawa masuk sahaja ataupun bayi itu hendak dijual.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, mengikut maklumat yang diterima didapati bahawa kebanyakan daripada bayi-bayi yang dibawa masuk itu ialah untuk dijual kepada bakal-bakal bapa angkat ataupun bakal-bakal keluarga angkat.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kebanyakan bayi-bayi yang diseludup itu berapa umurnya.

Yang kedua, bayi-bayi yang diseludup daripada negeri jiran itu adakah bayi-bayi ini dicuri ataupun dibeli daripada pihak yang berkenaan di sebelah sana.

Yang ketiga, setelah ditangkap beberapa orang, 29 orang; adakah pihak Kerajaan didapati ada sindiket di sebelah negara kita yang menerima bayi-bayi daripada luar negeri itu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, mengikut maklumat yang diterima berpandu kepada 19 orang bayi yang telahpun dikesan, umur bayi-bayi tersebut ialah di antara 4 hari sehingga ke satu tahun.

Untuk jawapan soalan yang kedua adakah pihak kita berhubung dengan pihak di negeri Thailand untuk mengesan perkara ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memanglah di dalam perhatian pihak Polis dan pihak Polis Thai. Kita selalu bekerjasama dengan pihak Thai untuk mengatasi bukan sahaja penyeludupan bayi-bayi termasuk juga sebagaimana yang saya terangkan dahulu "anak-anak ayam dan ibu-ibu ayam" dan juga dadah dan seterusnya penyeludupan senjata api dan diharap mendapat kerjasama daripada pihak Thai.

**Timbalan Yang Dipertua:** Soalan yang ketiga, adakah sindiket..

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Masih dalam kajian pihak Polis.

### LORI-LORI BOMBA — POLIS TRAFIK

11. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang Lori-lori Bomba semasa dalam kecemasan untuk menuju ke tempat kebakaran hendaklah diiringi oleh polis trafik bagi mempercepatkan ke tempat kebakaran terutama di Wilayah Persekutuan yang selalu mengalami kesesakan jalanraya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan Polis Trafik

mengiringi kereta bomba semasa dalam kecemasan untuk menuju ke tempat kebakaran. Peraturan-peraturan yang sedia ada seperti berikut, telah dapat membantu kereta bomba sampai ke tempat kebakaran dengan cepat, peraturan-peraturan adalah seperti berikut:—

- (i) Peraturan "Road Traffic Ordinance 1958 — F.M. Ordinance 49/1958" memperuntukkan bahawa kenderaan orang awam perlu memberi jalan kepada kereta bomba, ambulans dan sebagainya;
- (ii) Pemakaian siren juga dapat membantu mempercepatkan kereta bomba ke tempat kebakaran;
- (iii) Buat masa ini, apabila menerima maklumat tentang satu-satu kebakaran besar di kawasan Kuala Lumpur, Pejabat Bomba akan terus menghubungi Bilik Kawalan Polis Kuala Lumpur supaya pihak Polis menghantar Polis Trafik atau pasukan perondanya untuk membantu atau mengiringi kereta bomba ke tempat kebakaran.

### MAJLIS FORAM DI DEWAN UNIVERSITI

12. **Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa majlis Foram yang selalu diadakan di dalam dewan universiti-universiti di negara kita menabur fahaman membenci kepada Kerajaan; jika sedar, apakah tindakan yang telah dan sedang diambil bagi menyekat kejadian yang tidak diinginkan itu berlaku.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran sedar ada pihak-pihak tertentu cuba menggunakan Majlis Foram yang

diadakan di universiti-universiti tempatan untuk menyebarkan fahaman membenci Kerajaan.

Kementerian saya dan pihak berkuasa universiti-universiti sentiasa mengawasi perkara ini supaya keadaan adalah terkawal. Jika didapati kegiatan-kegiatan itu melampaui batas, Kementerian saya akan mengambil tindakan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 (Pindaan) 1975.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini adakah pihak Kementerian telahpun mengambil tindakan-tindakan sepertimana yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri mengenai dengan perkara yang tersebut.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kita ini ialah Kerajaan demokrasi dan kita memberi peluang kepada mereka itu menganjurkan perbahasan seperti ini. Tetapi dari segi menggunakan peluang ini melampaui batas, kita memang mengawal dan oleh kerana di masa-masa yang lepas tidak ada yang melakukan sesuatu secara yang melulu, melebihi dari segi penyampaian dan sebagainya, jadi kita merasai bahawa dia tidaklah begitu merbahaya maka belum lagi kita ambil tindakan dan kita terus mengawal, insya Allah, akan terkawal.

**Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim:** Soalan tambahan. Setakat manakah yang dikatakan sehingga merbahaya, kerana ada kalanya di peringkat maktab ataupun kolej kalau diadakan forum-foram, ada yang menyorak kepada guru-guru dengan "boo" dan sebagainya. Bagaimana tindakan pihak Kementerian atas perbuatan-perbuatan ini?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, apa yang dimaksudkan di sekolah-sekolah menengah dan di kolej-kolej?

**Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim:** Apa yang dikatakan itu kepada peringkat universiti, tetapi di sekolah menengah dan kolej terlibat juga perkara ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa ini perkara subjektif, tetapi Kementerian mempunyai asas-asas yang tertentu, cara-cara tertentu untuk mengawalinya. Misal kata antara cara-cara yang ditentukan ialah peserta-peserta forum hendaklah diwakili oleh wakil-wakil Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam nisbah yang sama, tetapi kita hendakkan Kerajaan lebih untuk menyelamatkan Kerajaan.

Yang kedua, tajuk-tajuk forum pula hendaklah menyentuh soal-soal lain, selain daripada politik, walaupun ramai yang berminat kepada politik.

Si pihak penganjur hendaklah memastikan supaya ketenteraman majlis sentiasa terpelihara. Walaupun mungkin ada yang menyorak, tetapi tidak juga disedari oleh pihak Kementerian dan mungkin dianggap sebagai merbahaya, mungkin itu dalam keadaan yang terkawal pula. Kalau sekiranya keadaan begitu teruk dan ada laporan diterima oleh pihak Kementerian, kita akan mengambil tindakan berasas kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan), 1975. Insya Allah.

## HARGA RUMAH — BAYARAN 10% PENDAHULUAN

13. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tidakkah Kementerian bercadang hendak menghapuskan bayaran 10% dari harga rumah sebagai pendahuluan pada setiap pembeli rumah dari kalangan Bumiputera.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai 'bayaran 10% dari harga rumah

sebagai pendahuluan' ialah bayaran tempahan rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran tempahan rumah telahpun dihapuskan sejak berkuatkuasa pindaan kepada Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982 pada 1hb. Jun, 1982.

Bayaran 10% dari harga rumah sebagai pendahuluan ataupun 'deposit', dengan izin, sebenarnya merupakan bayaran pertama dalam 'progress payment' seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Bayaran Harga Beli, Perjanjian Jual dan Beli Tanah dan Bangunan di bawah Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982. Ini adalah untuk mengesahkan sesuatu penjualan dan menjamin bahawa pembeli itu adalah pembeli yang tulin.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa memang ada aduan-aduan daripada pembeli-pembeli rumah berhubung dengan pengutipan wang pendahuluan, dan Kementerian saya telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya atas aduan-aduan tersebut.

**Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim:** Berkenaan hal rumah, kalau dikaji keadaan di Malaysia ini boleh dikatakan harganya terlampau tinggi. Jadi adakah pihak Kementerian Perumahan menentukan kepada pemaju-pemaju perumahan supaya harganya dikawal dan dapat kerjasama iaitu di segi peratus keuntungan. Saya dengar khabar hampir separuh ataupun 3/4 daripada harga modal, ini menunjukkan yang menjadi mangsa ialah kepada orang ramai dan rakyat yang miskin. Keadaan rumah ataupun tanah di Malaysia itu adalah lebih tinggi daripada negara-negara barat seperti di Australia dan sebagainya.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang Dipertua, memanglah benar bahawa rumah-rumah di Malaysia harganya

terlalu tinggi di tempat-tempat yang tertentu dan Kerajaan sedar perkara ini dan oleh kerana itu Kerajaan mencadangkan untuk membina lebih banyak rumah harga kos rendah. Dengan pembinaan rumah harga kos rendah dengan lebih banyak, Kerajaan berharap pembeli-pembeli atau bakal-bakal pembeli-pembeli rumah-rumah tidak akan membeli rumah-rumah yang harga tinggi.

Yang kedua, Kementerian saya sentiasa mengawal harga penjualan oleh pemaju-pemaju perumahan, tetapi seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, tanah harganya sendiripun dalam negara kita terlalu tinggi dan oleh kerana itu pemaju-pemaju perumahan yang menjadi businessman memanglah ingin membuat keuntungan.

Dalam bidang pembinaan perumahan, pemaju-pemaju buat masa sekarang tidak mendapat keuntungan yang besar, masanya sudah berubah.

## **PEGAWAI KONTRAK DI JABATAN PENERANGAN**

**14. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan diambil bertugas atas kontrak setahun ke setahun; jika ya, nyatakan bila Kementerian tersebut akan mengambil langkah untuk melanjutkan tempoh kontrak mereka dari setahun ke tiga tahun memandangkan bahawa tugas mereka kian berat dan bertambah.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua, pegawai-pegawai kontrak di Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan kini diambil bertugas atas kontrak setahun ke setahun. Kementerian Penerangan belum bercadang melanjutkan perkhidmatan kontrak pegawai-pegawai berkenaan kepada tiga tahun.

Setakat ini kontrak satu tahun adalah didapati berfaedah dari segi menilaikan prestasi-prestasi pegawai-pegawai yang bertugas dalam satu jangka masa yang pendek. Walau bagaimanapun sistem kontrak ini sentiasa dikaji dari masa ke semasa supaya ianya tidak mendatangkan apa-apa masalah kepada Kerajaan dan pegawai-pegawai berkaitan.

### JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

**15. Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tindakan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memeriksa lori-lori di tepi jalan telah mengakibatkan kerumitan kepada pemandu-pemandu lori secara khasnya dan membawa kerugian kepada negara secara amnya, jika sedar, nyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menegaskan bahawa pemeriksaan kenderaan bermotor termasuk lori-lori di jalanraya perlu diadakan dari masa ke semasa untuk menjamin keselamatan jalanraya dan juga memastikan bahawa pemandu-pemandu kenderaan adalah mematuhi Undang-undang Lalulintas Jalan.

Pemeriksaan Kenderaan Bermotor di jalanraya adalah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan secara berasingan atau bersama-sama dengan anggota Polis dan tidaklah terhad kepada lori-lori sahaja. Apabila diadakan tindakan pemeriksaan demikian, beberapa orang pemandu lori telah memilih sendiri untuk meletakkan lori-lori yang mereka pandu masing-masing di bahu jalan kerana hendak mengelakkan pemeriksaan kenderaan atau muatan lori mereka oleh pihak-pihak tertentu di tempat pemeriksaan berkenaan. Mereka berhenti dan berderet panjang lebih kurang 100

meter dari tempat pemeriksaan dan menunggu hingga pemeriksaan tamat.

Suka saya menasihatkan pengusaha-pengusaha lori supaya menjalani pemeriksaan-pemeriksaan kenderaan tersebut untuk mengelakkan kelewatan menghantarkan barang-barang yang mereka angkut itu. Cuma mereka yang sedar bahawa mereka telah melakukan kesalahan undang-undang sahaja akan sengaja mengelakkan pemeriksaan. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk menyalahkan pegawai-pegawai penguatkuasa atas apa-apa kerugian yang mungkin timbul kelak.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengadakan satu tambahan undang-undang apabila lori ini diadakan pemeriksaan oleh pegawai JPJ, lori-lori itu berhenti di tepi jalan begitu panjang sehingga sebatu ataupun dua batu dan bolehkah pihak Kementerian mengadakan undang-undang lori yang berhenti di tepi jalan itu juga mestilah boleh disaman oleh pihak JPJ.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Dipertua, terima kasih atas cadangan itu. Memang Kementerian Pengangkutan sedar tentang masalah oleh kerana definisi jalan raya sekarang ini dalam Ordinan yang terlalu terhad dan dalam definisi baru dan Ordinan baru yang akan dikemukakan kepada Parlimen nanti definisi ini akan dipinda dan diluaskan supaya mereka yang berhenti atas bahu jalan juga boleh diperiksa walaupun tidak bergerak.

### MURID SEKOLAH TERLIBAT DALAM KES JENAYAH

**16. Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat murid-murid sekolah telah terlibat dalam kes jenayah; jika ada, nyatakan bilangan murid-murid yang terlibat dan tindakan yang telah diambil ke atas mereka.

**(Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat 58 orang murid sekolah yang terlibat dengan perbuatan yang dianggap sebagai kes jenayah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 1984 dan tindakan-tindakan yang diambil ialah pihak sekolah melaporkan kes tersebut kepada polis untuk tindakan polis selanjutnya dan kedua, pihak polis mengambil tindakan selanjutnya jika kes-kes itu berlaku di luar sekolah.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat D. P. Vijandran.

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, Soalan No. 17.

#### **PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGESANAN CAP CARI**

**17. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian akan menimbang menggunakan komputer dengan segera untuk mengesan kesan jari dan persesuaiannya oleh pihak polis; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, tinjauan dan kajian sedang dibuat oleh pihak polis terhadap penggunaan sistem komputer dalam pengesanan cap jari di negara-negara maju. Jika didapati sesuai dan perlu alat-alat komputer akan digunakan di negara ini.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**Datuk Loh Fook Yen:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, Soalan No. 18.

#### **BANK RAKYAT — SAHAM AHLI**

**18. Datuk Loh Fook Yen** (*di bawah S.O. (23) (2)*) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar menyatakan:

- (a) bilangan ahli Bank Rakyat dan jumlah saham ahli yang telah dibayar; dan
- (b) sama ada kewangannya stabil dan mempunyai keuntungan sekarang dan jika ada keuntungan bila pula dividen akan dikeluarkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohammad Yahya bin Lampong):** Tuan Yang Dipertua, bilangan ahli Bank Rakyat dan jumlah saham ahli yang terbayar sehingga 30hb Oktober, 1984 adalah seperti berikut:

Ahli Perseorangan	30,509
Jumlah Saham	\$16,886,541
Ahli Koperasi	877
Jumlah Saham	\$2,158,053

Bank Rakyat masa kini mengalami keuntungan dan mencapai prestasi yang memuaskan. Keuntungan bersih untuk tahun ini sehingga 30hb September tahun 1984 berjumlah \$10,827,000. Pihak Bank Rakyat bercadang untuk mengeluarkan dividen pada awal tahun 1987.

#### **RTM — TAYANGAN FILEM INDONESIA**

**19. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa RTM lebih banyak menyiarkan filem-filem Indonesia daripada filem-filem tempatan; dan
- (b) sama ada Kementerian ada rancangan untuk menayangkan filem-filem dari negara ASEAN yang lain yang telah diberi sarikata dalam Bahasa Malaysia.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini RTM telah memberhentikan tayangan filem-filem Indonesia untuk beberapa

lama sehingga baru-baru ini apabila tayangannya disiarkan semula. Sebenarnya siaran filem Indonesia dan filem Melayu adalah ditayangkan bergilir-gilir pada tiap-tiap minggu. Ini menjadikan jumlah tayangan 2 filem Indonesia dan 2 filem Melayu sebulan. Oleh itu tidaklah benar bahawa RTM lebih banyak menyiarkan filem-filem Indonesia dari filem-filem Melayu pada ketika ini. Walau bagaimanapun, pada suatu ketika kelak keadaan ini mungkin akan berlaku. Ini adalah disebabkan industri filem Indonesia lebih banyak menerbitkan filem-filem daripada industri filem Melayu. Industri filem di Indonesia menerbitkan lebih kurang 40 hingga 50 tajuk filem setahun sedangkan industri filem tempatan menerbitkan antara 5 — 10 filem sahaja dalam setahun.

- (b) Televisyen Malaysia telah memulakan suatu slot rancangan yang diberi nama, dengan izin "Teater Universal" dalam mana akan dimuatkan filem-filem selain dari filem yang pernah ditonton di Malaysia. Filem-filem ini akan termasuk filem-filem dari Perancis, Jepun, Korea, Egypt, Turki dan lain-lain negara termasuk juga filem-filem negara ASEAN yang akan diberi sarikata dalam Bahasa Malaysia. Pada 11hb Oktober tahun ini Televisyen Malaysia telahpun menyiarkan sebuah filem dari Filipina yang bertajuk "KAMAKALAWA" dalam slot "Teater Universal" ini.

#### **KONSEP DASAR BARU DALAM PROGRAM PELAJARAN**

**20. Puan Hajjah Hafsa binti Othman** minta Menteri Pelajaran menyatakan

bahawa sejak Y.A.B. Datuk Sri Dr. Mahathir mengetuai Kerajaan sudah banyak konsep-konsep baru diperkenalkan — Pandang ke Timur — Kepimpinan Melalui Teladan — BCA — Penswastaaan dan lain-lain sama ada langkah-langkah telah disusun oleh Kementerian Pelajaran bagi menerap konsep dan era baru dalam pembentukan masyarakat Malaysia akan datang sesuai dengan semangat serta pengertian konsep tersebut.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran seperti Kementerian lain sentiasa mengambil berat dasar-dasar baru Kerajaan seperti Pandang ke Timur, Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih, Cekap dan Amanah dan Penswastaaan. Konsep dasar-dasar ini dikaji dan diterapkan ke dalam perancangan dan pelaksanaan program pelajaran di mana-mana yang sesuai seperti kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran sekolah di institusi pelajaran dan pengurusannya secara keseluruhannya.

#### **MAS — PERKHIDMATAN KE AMERIKA SYARIKAT**

**21. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan rancangan MAS untuk melanjutkan penerbangannya ke Amerika Syarikat dan nyatakan lain-lain rancangan MAS untuk penerbangannya ke destinasi yang baharu.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Dipertua, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telahpun membuat rancangan untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatannya ke Amerika Syarikat. Rancangan ini melibatkan pelaksanaan perkhidmatan tersebut dalam dua peringkat.

Bagi peringkat pertama, MAS sedang merancang untuk mengadakan operasi bersama dengan sebuah syarikat

penerbangan Amerika Syarikat, iaitu Northwest Airlines bagi perkhidmatan di antara Kuala Lumpur ke San Francisco melalui Tokyo. Bagaimanapun, dengan tercapainya persetujuan pada prinsipnya di antara YAB Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Jepun baru-baru ini, operasi bersama itu akan juga melibatkan penyertaan syarikat penerbangan Japan Airlines ataupun dengan izin, JAL. Jika sekiranya semua yang terlibat bersetuju, perkhidmatan ini akan dijalankan di bawah aturan tiga pihak ataupun dengan tripartite arrangement. Pada masa ini butir-butir aturannya sedang dirundingkan oleh pihak-pihak berkenaan itu.

Operasi bersama ini adalah perlu diadakan pada peringkat permulaan rancangan MAS, kerana Malaysia belum lagi mendapat hak-hak trafik daripada Amerika Syarikat yang membolehkan MAS mengadakan perkhidmatan bersendirinya yang viable ke Amerika Syarikat. Cara ini akan membolehkan MAS mengadakan perkhidmatan ke Amerika Syarikat dengan lebih awal, yang jua dapat menjamin operasi ini dari segi ekonomi. Adalah dijangkakan operasi bersama dengan Northwest Airlines dan JAL ini akan dapat dimulakan pada awal tahun 1985, sekiranya tiada apa-apa halangan lagi dari pihak Amerika Syarikat ataupun Jepun.

Peringkat kedua pula merupakan perkhidmatan bersendirinya MAS ke Amerika Syarikat. Perkhidmatan ini belum dapat ditentukan kerana hak-hak trafik belum lagi diperolehi daripada pihak Jepun dan jua daripada pihak Amerika Syarikat. Kerajaan akan terus berusaha untuk mendapatkan hak-hak trafik yang diperlukan.

MAS jua sedang membuat perancangan untuk memperluaskan perkhidmatannya ke tempat-tempat tertentu di rantau Asia, Eropah, Australia dan mungkin juga New Zealand. Bagaimanapun, rancangan ini belum dapat ditentukan lagi

sekarang kerana ianya adalah tertakluk kepada persetujuan-persetujuan mengenai hak trafik di antara Kerajaan kita dengan negara-negara yang berkenaan itu.

### **PROTON SAGA — TEMPAHAN LUAR NEGERI**

**22. Dato' G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan negara mana setakat ini yang telah bersetuju mengimport Proton Saga.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, Proton dan juga Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON) buat masa ini belum dapat menerima tempahan dari luar negeri. Walau bagaimanapun, ada beberapa negara yang telah membuat pertanyaan dan menunjukkan minat terhadap Proton Saga. Proton dan juga Edaran Otomobil Nasional (EON) juga telah berbincang dengan negara-negara jiran ASEAN terutama Indonesia, Negeri Thai dan Singapura untuk meninjau kemungkinan memasarkan Proton Saga di sana. Setakat ini sambutan mereka sangat menggalakkan. Indonesia dengan penduduknya yang begitu ramai diharapkan boleh membeli Proton Saga nanti.

### **GETAH MALAYSIA — HARGA DI PASARAN DUNIA**

**23. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk meninggikan lagi harga getah Malaysia dalam pasaran dunia berikutan dengan penurunan nilai mata wang Thai bhat dan kekurangan duti eksport di Thailand; dan nyatakan juga bagaimanakah penurunan harga getah Malaysia di pasaran dunia melibatkan ekonomi Malaysia dan seterusnya pekerja-pekerja ladang di negara ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat**

**Ayob):** Tuan Yang Dipertua, mengenai bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi meninggikan lagi harga getah Malaysia di pasaran dunia telah dijelaskan semasa saya menjawab soalan ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar pada 19hb Disember, 1984. Sungguhpun tidak dapat dijawab tetapi jawapan ini telahupun dipanjangkan.

Mengenai kesan ke atas ekonomi Malaysia akibat daripada penurunan harga getah ini memanglah tidak dapat dinafikan bahawa penurunan harga getah akan dapat mempengaruhi pertukaran wang asing Malaysia dan juga peluang pekerjaan serta pendapatan pekerja-pekerja terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan perusahaan getah asli. Ini adalah kerana perusahaan getah asli masih merupakan salah satu daripada usaha yang terpenting sebagai sumber pendapatan eksport yang menyumbangkan 11% daripada jumlah pendapatan eksport negara dalam tahun 1983.

Perusahaan getah memberi kesan kepada lebih kurang 3.5 juta penduduk Malaysia yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengannya lebih-lebih lagi kepada lebih kurang 500,000 keluarga pekebun kecil dan 165,000 pekerja-pekerja ladang yang bergantung semata-mata kepada perusahaan ini sebagai sumber pendapatan mereka.

Betapa kuatnya kesan harga getah asli kepada pendapatan negara dapat dilihat dari segi kesan penurunan setiap sen harga getah yang menjejaskan pendapatan eksport dalam lingkungan \$15.6 juta. Memandangkan betapa besarnya kesan harga getah kepada ekonomi negara, Kerajaan mengambil langkah-langkah yang berterusan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran terutama di sektor pekebun-pekebun kecil.

Di samping itu, Kerajaan juga mengambil langkah-langkah supaya

ekonomi negara tidak semata-mata bergantung kepada getah asli melalui usaha-usaha pelbagai tanaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga sekian lama getah asli telah berjaya mempertahankan kedudukan persaingan dengan getah tiruan, ini menunjukkan bahawa kedudukan getah asli di pasaran dunia adalah masih kukuh dengan jangkaan bahawa pemulihan ekonomi dunia akan berkembang terus meskipun pada kadar yang sederhana, saya yakin harga getah akan bertambah baik pada paras yang mencerminkan nilai getah asli yang sebenarnya.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian daripada peruntukan kewangan untuk memajukan pekebun kecil getah di negara kita ini adalah hasil titik peluh pekebun kecil berdasarkan kepada pembayaran berbagai-bagai cess daripada yang dipotong daripada harga getah sendiri.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya sejauh manakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan cess supaya dapat menampung kekurangan yang dirasakan oleh RISDA sekarang ini untuk tujuan meningkatkan lagi Tabung Menanam Semula, walhal kita semua tahu lebih tinggi cess maka lebih rendah harga getah yang dijual di peringkat kebun pekebun kecil.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang Dipertua, masalah menurun dan menaikkan cess getah ini sebenarnya dalam kajian yang teliti antara Kementerian Perusahaan Utama dengan Kementerian Kewangan. Sebenarnya satu mesyuarat telah diadakan tidak berapa bulan yang lepas tetapi oleh kerana keadaan-keadaan pasaran dunia dengan turunnya mata wang Thailand dan mata wang Indonesia menyebabkan kita terpaksa mengkaji sedalam-dalamnya tentang hal turun naik cess ini.

## KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

**24. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keadaan kesesakan lalulintas di jalanraya di Kuala Lumpur khasnya pada waktu-waktu tertentu adalah sangat buruk dan sama ada beliau akan mengkhaskan satu jalan (lane) bagi kenderaan-kenderaan awam seperti bas, bas-mini dan teksi supaya penumpang-penumpang yang menggunakan kenderaan-kenderaan awam ini akan mendapat kemudahan dan dengan demikian orang ramai digalakkan menggunakan pengangkutan awam; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian memang sedar tentang kesesakan lalulintas yang berlaku di beberapa jalanraya di Kuala Lumpur terutama sekali pada masa-masa memuncak. Pertambahan dalam penggunaan lalulintas jalan berlaku dalam kadar yang lebih cepat daripada kadar program pembangunan jalanraya.

Oleh yang demikian kebanyakan jalanraya tersebut dan persimpangan-persimpangan jalan tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi sekarang ini untuk menampung bilangan kenderaan yang melaluinya. Dalam usaha memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam terutama bas dan bas mini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun melaksanakan dua cara pengurusan lalulintas iaitu:

- (a) Menetapkan satu jalan untuk lorong bas sahaja di jalanraya seperti di sebahagian Jalan Ipoh dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Setakat ini didapati projek awal ini dapat memberikan kejayaannya.
- (b) Skim belukan kanan yang hanya dikhaskan untuk bas dan bas mini sahaja di beberapa persimpangan jalan untuk

memberi keutamaan kepada perjalanan bas dan bas mini. Kajian untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam dalam berterusan dibuat dalam mengenal pasti jalan-jalan yang sesuai dari segi keupayaan jalan, bilangan bas, bilangan bas mini dan bilangan teksi yang melaluinya serta kesan lain yang timbul seperti masalah pengangkutan dan pemunggahan barang-barang oleh lori-lori dan sebagainya.

## PEGAWAI KERAJAAN YANG CUI — TINDAKAN

**25. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak tahu tanggungjawab mereka sebagaimana yang terbukti di Johor Bahru sedikit masa dahulu di mana Perdana Menteri sendiri telah menunjukkan kecuaiian setengah pihak untuk menjaga kebersihan di Tambak Johor.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang sepatutnya boleh diambil tindakan tata tertib seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab D 1980. Hukuman tata tertib yang boleh dikenakan seperti terkandung dalam Perintah Am 36 Bab A. Pada tahun 1983 umpamanya 1,786 pegawai-pegawai Kerajaan telah diambil tindakan tata tertib atas beberapa kesalahan tertentu. Sehingga pada bulan Jun tahun ini umpamanya seramai 390 orang pegawai-pegawai telah diambil tindakan tata tertib juga.

## PELAMPAU AGAMA MENGHASUT ANGGOTA TENTERA

**26. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

sama ada beliau sedar bahawa ada golongan pelampau agama menghasut para anggota tentera supaya menentang pemimpin dan Kerajaan; dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pelampau-pelampau yang ekstrimis itu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menjelaskan di Dewan ini bahawa soalan Yang Berhormat adalah sama atau hampir-hampir sama dengan soalan yang telah dikemukakan pada 17hb. Disember, 1984 yang lalu yang mana telahpun saya jawab.

#### **RANCANGAN DUA L (LAWATAN DAN LATIHAN) — KEMAJUAN**

**27. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang telah dapat dicapai oleh rancangan dua L (lawatan dan latihan) dan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang memberhentikan rancangan ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang Dipertua, sistem dua L bukanlah merupakan satu rancangan tetapi adalah satu sistem perkhidmatan pengembangan yang lengkap, teratur dan berterusan. Sistem dua L adalah satu cara yang berkesan bagi agensi-agensi Kerajaan memindahkan teknologi dan maklumat pertanian yang sesuai. Hasil penyelidikan tersebut badan-badan tertentu seperti MARDI kepada petani agar mereka dapat menerima dan mengamalkan teknologi tersebut di dalam usaha untuk meninggikan daya pengeluaran dan seterusnya menambah pendapatan mereka.

Semenjak sistem dua L dijalankan dalam tahun 1979 sistem ini telah menunjukkan kemajuan-kemajuan yang menggalakkan umpamanya melalui sistem ini petani-petani dapat dikumpulkan kepada beberapa kumpulan dan menjalankan usaha melalui kumpulan tersebut.

Di kawasan padi hasil purata tanaman padi telah meningkat dari 40% — 60% dari 2,000 kg sehektar kepada 3,500 kg sehektar dengan kegunaan teknologi-teknologi baru yang disalurkan melalui sistem 2L.

Bagi tanaman koko pula, keluasan tanaman dan hasil pengeluaran telah bertambah dari 10% — 40% dengan mengenalkan teknologi koko yang disalurkan melalui sistem 2L.

Keluasan tanaman sayuran telah dapat ditingkatkan kepada 14,000 hektar. Di samping itu juga, keluasan tanaman buah-buahan dapat ditambah kepada 90,000 hektar.

Kawasan-kawasan tanah terbiar telah dapat dipulihkan pelaksanaan Sistem 2L.

Memandangkan kepada kejayaan telah dicapai, Kerajaan tidak bercadang memberhentikan Sistem 2L malah akan memperkukuhkan dan memperkukuhkan lagi sistem ini selaras dengan Dasar Pertanian Negara yang bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan dari kebun dan juga kehendak-kehendak baru di dalam perladangan secara berkelompok dan perdagangan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan nombor 28.

#### **HUTANG NEGARA — NISBAH BAYARAN BALIK**

**28. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) nisbah servis hutang terbaru;
- (b) jumlah hutang negara kita hingga bulan Oktober, 1984 termasuk angka-angka pecahan berasingan bagi pinjaman asing dan dalam negeri; dan

- (c) tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengatasi keadaan hutang negara yang semakin genting.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbarudin Chik):** Tuan Yang Dipertua, jawapan (a) nisbah bayaran balik hutang luar negeri bagi Kerajaan Persekutuan adalah dijangka sebanyak 6.5% bagi tahun 1984.

Jawapan (b), sehingga 1hb Oktober tahun ini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$54.6 ribu juta yang terdiri daripada \$19.2 ribu juta hutang luar negeri dan \$35.4 ribu juta hutang dalam negeri.

Bagi jawapan (c), Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengurangkan hutangnya. Walau bagaimanapun, untuk makluman ahli Yang Berhormat, pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan supaya dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang stabil.

Kerajaan sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam menguruskan pinjaman-pinjaman itu sama ada dari dalam atau luar negeri. Dalam pada itu Kerajaan juga telah mengkaji semua aktiviti dan program yang sedang dan dilaksanakan di mana projek-projek yang produktif sahaja diluluskan

Langkah ini akan terus dilaksanakan sehinggalah kedudukan ekonomi pulih semula.

#### **JAWATANKUASA PENYIASAT SKANDAL BMF**

**29. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil siasatan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasat yang diketuai oleh Ketua Odit Negara ke atas Bank Bumiputra Finance dan nyatakan sama ada laporan Jawatankuasa itu akan diumumkan.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telahpun mengumumkan dan mengeluarkan untuk perhatian rasmi laporan awal hasil siasatan Jawatankuasa Penyiasat yang dilantik oleh Kerajaan pada 20hb November tahun ini.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat telahpun membaca dan meneliti isi kandungan laporan tersebut.

Laporan-laporan Jawatankuasa itu selanjutnya juga akan diumumkan oleh Kerajaan kepada orang ramai kecuali jika laporan-laporan itu menyentuh butir-butir akaun individu pelanggan-pelanggan bank tersebut yang dianggap dan difikirkan sulit di bawah peruntukan Perkara 36 Akta bank 1973, Kerajaan tidaklah dapat mengeluarkan dan mengumumkan kepada ramai laporan berkenaan.

#### **RTM — MUTU PERKHIDMATAN/LATIHAN**

**30. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan ada membuat rancangan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Pegawai dan kakitangan Radio dan TV Malaysia; jika ada nyatakan bidang-bidang mana yang berkaitan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Penerangan telah membuat dan akan merancang beberapa rancangan-rancangan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Radio dan Televisyen Malaysia. Antara langkah-langkah ini rancangan yang terpenting ialah dalam bidang latihan profesional.

Semenjak tahun 1978 RTM telah menghantar 101 orang kakitangan pentingnya untuk latihan di luar negeri. 7 daripada bilangan tersebut adalah latihan lanjutan (Post-Graduate) untuk ijazah sarjana dalam bidang komunikasi dan penyiaran.

Lain-lain bidang latihan dalam kursus-kursus di luar negeri ini meliputi setiap jurusan profesionalisma penyiaran dari bidang komunikasi satelit hinggalah kepada teknik bersolek untuk televisyen.

Selain daripada kursus-kursus di luar negeri dan kursus-kursus serantau di AIBD, pegawai-pegawai dari RTM juga mengikuti kursus-kursus asas serta kursus-kursus lanjutan dalam segenap bidang penyiaran anjuran Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) iaitu komponen latihan bagi organisasi RTM.

Jumlah pelatih dalam skim ini adalah terlalu banyak untuk disenaraikan di sini. Memadai untuk dinyatakan bahawa setiap orang pegawai baru yang dilantik oleh RTM dikehendaki menjalani kursus latihan asas di IPTAR.

Bidang latihan yang ditekankan pada masa kini ialah bidang persembahan dan peningkatan mutu penerbitan-penerbitan tempatan. Kementerian saya mengaku bahawa ada beberapa kelemahan-kelemahan terutama dari segi persembahan yang terdapat dalam penerbitan-penerbitan rancangan tempatan dan oleh itu dari sekarang dan sepanjang tahun 1985 langkah-langkah tertentu akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Pada ketika ini umpamanya seorang penerbit dan seorang pembaca berita sedang menjalani latihan intensif di Amerika Syarikat untuk memperbaiki lagi mutu persembahan berita di RTM.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 31 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).*

#### **TARIAN BREAKDANCE DI TV**

**32. Tuan Jaafar bin Harun** minta Penerangan menyatakan sebab-sebab mengapa tarian Breakdance itu diadakan

dalam rancangan Puspawarna TV Malaysia.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Adam:** Satu adegan breakdance telah dimasukkan dalam rancangan Puspawarna yang dihos oleh Kenny, Remy dan Martin yang disiarkan pada 25hb Ogos 1984. Pada ketika itu breakdance belum lagi menjadi satu pertikaian. Semenjak breakdance menjadi suatu soal yang kontroversial dari segi kebudayaan dan kesesuaian terutama di kalangan muda-mudi, RTM tidak lagi menyiarkan sebarang adegan breakdance dalam rancangan-rancangan terbitannya.

#### **HAKMILIK TAPAK BANGUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN KELUARGA**

**31. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada surat hakmilik untuk 10 bidang tanah tapak bangunan dan klinik yang bernilai \$1,127,178.00 yang diperolehi oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN) atau Lembaga Pembangunan Keluarga sudah didapati dan di mana letak tapak tanah yang 10 bidang itu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Hakmilik mengenai 2 daripada 10 tapak bangunan berkenaan di Raub dan Mentakab, Pahang telah pun diperolehi. Mengenai 8 lagi tapak bangunan itu permohonan telahpun dikemukakan kepada pejabat-pejabat tanah yang berkenaan. Meskipun 8 tapak bangunan itu belum diperolehi hakmilik, kebenaran daripada pihak-pihak berkenaan telah diperolehi oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara untuk menggunakannya. Tapak bangunan yang belum diperolehi hakmilik ialah:

<i>Negeri</i>		<i>Tempat</i>
Selangor	(i)	Seksyen 16, Shah Alam
	(ii)	Seksyen 17, Shah Alam

<i>Negeri</i>		<i>Tempat</i>
Wilayah Persekutuan	(i)	Seksyen 86A, Bandar Kuala Lumpur.
	(ii)	Mukim Damansara, Kuala Lumpur
Perak	(i)	Mukim Bidor
	(ii)	Pekan Tapah
	(iii)	Mukim Sg. Siput
	(iv)	Mukim Ulu Kinta

boleh diduduki pada tahun 1985 dan 1986.

(b) Di antara lain sebab-sebab yang boleh mewujudkan 'kelebihan ruang pejabat' di Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

(i) Sewa ruang sangat tinggi yang dikenakan oleh tuan punya kompleks-kompleks pejabat (sewa semasa untuk ruang pejabat ialah anggaran \$3.00 hingga 3.50 untuk setiap kaki persegi sebulan).

(ii) Keadaan ekonomi yang lembab juga memberi kesan terhadap permintaan ruang pejabat semasa.

(iii) Banyak pejabat-pejabat masih terdapat di bangunan-bangunan kediaman dan kedai-kedai yang usang.

(iv) Kos-kos pembinaan yang rendah dan persaingan dalam 2 tahun kebelakangan ini juga menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina kompleks-kompleks pejabat.

### RUANG PEJABAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

**33. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah ruang pejabat pada tahun 1984, 1985 dan 1986 dan apakah sebab-sebab 'glut' kepada ruang pejabat di Wilayah Persekutuan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**

(a) Jumlah ruang lantai perdagangan di Pusat Bandar Kuala Lumpur (Kawasan Perancangan Pusat) hingga Oktober 1984 adalah 42.48 juta kaki persegi di mana 15.34 juta kaki persegi adalah untuk kegunaan pejabat, 14.91 juta kaki persegi adalah untuk kegunaan runcit dan membeli-belah, 3.95 juta kaki persegi untuk kegunaan hotel dan 8.28 juta kaki persegi untuk lain-lain kegunaan.

Pada masa ini terdapat 44 projek komprehensif yang masih di dalam pembinaan yang dapat menyediakan jumlah ruang lantai perniagaan sebanyak 15.82 juta kaki persegi di mana 8.38 juta kaki persegi adalah untuk kegunaan pejabat dan 7.44 juta kaki persegi lagi iaitu 1.85 juta kaki persegi untuk kegunaan membeli-belah dan runcit, 1.71 juta kaki persegi untuk kegunaan hotel dan 3.88 juta kaki persegi adalah untuk lain-lain kegunaan.

Kebanyakan dari projek-projek ini adalah dijangka siap dan

### PERJANJIAN KERJASAMA TEKNIKAL DENGAN PAPUA NEW GUINEA

**34. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan hasil Perjanjian Kerjasama Teknikal dengan negara Papua New Guinea dalam rangka lawatan Perdana Menteri ke negara itu pada 6hb — 8hb Ogos, 1984.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan yang hampir serupa telah saya buat semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Idris pada 4-12-84. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

### MOGOK BAGI PELAJAR-PELAJAR

**35. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Pelajaran

menyatakan jumlah kejadian mogok atau tunjuk perasaan di kalangan penuntut di sekolah bagi tahun 1982, 1983 dan sehingga bulan Oktober, 1984.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Setakat ini 7 kejadian mogok atau tunjuk perasaan telah berlaku di kalangan pelajar-pelajar. Dari jumlah itu 5 kejadian berlaku di Sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik. Satu kejadian di Kolej Islam dan satu lagi di Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 *ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964, dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, pindaan yang dicadangkan melalui kemasukan Seksyen baru 25A (Fasal 6) ialah untuk mengurangkan kesusahan kewangan dalam tempoh dari ketika kejadian yang membawa tindakan itu berlaku hinggalah penyelesaian kes tersebut. Cadangan pindaan ini akan membolehkan Mahkamah Tinggi, dalam mana-mana kes, membuat suatu perintah interim supaya memberi kepada pihak yang menuntut pada masa yang awal apa yang beliau berhak menerima di masa kemudian.

Langkah ini akan meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh beliau semasa menantikan penyelesaian tuntutan tersebut dengan syarat beliau, pada pendapat Mahkamah, besar

kemungkinan adalah berhak menerima wang tersebut jika kes itu dijalankan.

Adalah diharapkan juga dengan adanya suatu perintah begini, kedua-dua pihak mungkin dapat menyelesaikan perkara tersebut di luar Mahkamah atau sekurang-kurangnya dapat mempercepatkan perjalanan kes tersebut. Pendek kata, pindaan ini akan membolehkan pihak yang menuntut, iaitu mangsa kemalangan yang tidak bersalah dan yang berhak menerima pampasan di akhir penyelesaian kes tersebut mendapat award sementara dan juga bagi menggalakkan kedua-dua pihak mencapai penyelesaian luar Mahkamah oleh kerana pihak yang kena tuntutan telah dikehendaki membayar wang tersebut sebelum kes tersebut berakhir.

Berkenaan dengan rayuan, adalah dimaklumkan iaitu dalam dua kes yang berasingan, Mahkamah Persekutuan telah memberi keputusan yang bercanggah terhadap kuasa merayu yang diberi kepada pihak Pendakwa Raya oleh Seksyen 50 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Ini telah menimbulkan keraguan yang mana difikirkan amat penting diatasi demi memastikan bahawa keadilan akan terjamin. Keraguan-keraguan itu akan dapat diatasi dengan dibuat pindaan kepada subseksyen (1), Seksyen 50 (Fasal 7). Dengan pindaan-pindaan ini kedua-dua pihak orang yang disabitkan atau didapati salah dan pihak Pendakwa Raya boleh merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam pelaksanaan bidang kuasa asalnya, yang termasuk penghakiman, hukuman atau perintah, melalui pindaan kepada Seksyen 3, (Fasal 2) kepada Mahkamah Persekutuan tanpa apa-apa had. Ini akan juga mengurangkan kemungkinan salah laksana keadilan.

Selain dari pindaan tersebut, kesempatan juga diambil bagi membuat beberapa pindaan berbangkit yang lain.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.45 ptg.

**Tuan Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan juga mengambil bahagian bagi membincangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Tuan Yang Dipertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini yang menitikberatkan memberi kuasa kepada Mahkamah membuat suatu perintah bagi membolehkan tuntutan yang dikenakan kepada pihak yang bersalah supaya membuat bayaran sementara ataupun bayaran pendahuluan kepada Mahkamah atau kepada pihak yang menerima. Pada kebiasaannya tuntutan yang melebihi daripada \$25 ribu adalah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi. Cara yang begini adalah memang sesuai kerana kalau sesuatu keputusan, bayaran yang dikenakan kepada sesuatu pihak, agak pembayaran tidak dapat dilaksanakan sehingga pihak yang membayar membawa kes itu ke Mahkamah Ulang Bicara dan diputuskan. Ini kadang-kadang memakan masa yang lebih bagi menunggu keputusan di Mahkamah Ulang Bicara.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya mengambil perhatian dan perlu dikaji selidik iaitu kalau sesuatu keputusan Mahkamah yang telah memutuskan suatu pembayaran dikenakan kepada suatu pihak misalnya sebanyak \$50 ribu, dan pembayaran pendahuluan

telah diberikan kepada pihak yang menerima ataupun kepada pihak yang menang, tetapi apabila kes itu dibawa ke Mahkamah Ulang Bicara didapati keputusan yang bersalah itu tidak bersalah dan tidak dikenakan sebarang bayaran. Di sini timbul satu masalah, jika bayaran itu telah diberi kepada pihak yang menang dahulu, bagaimana pula ianya perlu dan dituntut membayar balik wang yang telah diterimanya dahulu.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya suka menyarankan kepada pihak-pihak yang tertentu sebarang keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi maka pembayarannya itu tidaklah terus dibayar kepada pihak yang menerimanya kerana apa yang saya perkatakan tadi, kalau pihak penerima yang dikatakan dapat wang yang ditentukan oleh Mahkamah dan dibayar kepada yang menerima, kemungkinan sesuatu ulang bicara yang telah dijalankan, pihak yang kalau ataupun yang dikenakan bayar itu tidak dikenakan bayaran. Jadi, dengan ini saya cuma menyarankan sebarang tuntutan yang dikenakan kepada pihak yang memberi wang kepada yang menang perlu dibayar terus kepada Mahkamah dan disimpan dahulu, selepas keputusan Mahkamah Ulang Bicara baru terus dibayar kepada ampunnya.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu sebagaimana Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah memberi kuasa kepada pihak Pendakwa Raya dapat membuat rayuan dalam menjalankan bidang kuasa yang asal ini saya rasa memang sangat bagus kerana misalan pada masa-masa yang lalu bagi pihak Pendakwa Raya membawa sesuatu kes ke Mahkamah, misalnya kes yang dibawa itu boleh dihukum mati, tetapi telah diputuskan di dalam Mahkamah cuma dipenjara misalnya 10 tahun dan sebagainya. Dengan adanya hukuman yang begitu, maka pihak Pendakwa Raya tidak boleh membawa

kes itu untuk membuat rayuan ulang bicara. Begitu juga misalan kalau pihak Pendakwa Raya yang telah membawa sesuatu kes misalan sekarang dalam masalah dadah. Kes yang dibawa itu agak menentukan seseorang itu sebagai diberi hukuman atas nama pengedar dadah tetapi diputuskan oleh Mahkamah, cuma menyimpan dadah sahaja. Jadi, dalam bentuk ini maka satu undang-undang yang agak sesuai dan masanya dapat diketengahkan sekarang.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya suka mengambil perhatian dalam bentuk Mahkamah Ulang Bicara, pada masa-masa yang lalu iaitu ada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan Majlis Privy. Kemudian kita telah memansuhkan iaitu Majlis Privy dan tinggal lagi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan. Tadi selain daripada itu bagi penggantian daripada Mahkamah Persekutuan dinamakan Mahkamah Agung, agak ini pada hemat saya sesuai. Kerana dari segi perkataan "Tinggi" dan "Persekutuan" itu tidak menampakkan lebih tinggi, perkataan persekutuan daripada perkataan tinggi. Tetapi daripada Mahkamah Tinggi, kemudian Mahkamah Agung, nampak prestasi dia, Mahkamah Tinggi lebih tinggi lagi daripada Mahkamah Agung.

Tuan Yang Dipertua, di sini kalau kita kaji pada masa-masa yang lalu ada terdapat tiga Mahkamah Rayuan. Tetapi sekarang saya fahamkan ertinya kita ada dua Mahkamah sahaja iaitu Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung. Oleh sebab itu kita biasa dengar dan sebagainya kadang-kadang banyak kes-kes yang agak begitu lama tidak dapat diselesaikan kemungkinan kita kekurangan penentuan suatu Mahkamah, dengan ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan agak mewujudkan suatu mahkamah lagi, selepas daripada Mahkamah Tinggi ada satu lagi mahkamah yang kita boleh namakan apa-apa. Selepas itu barulah Mahkamah Agung.

Dalam mahkamah yang kita wujudkan lepas Mahkamah Tinggi ini maka mahkamah itu dapat membicarakan kes-kes jenayah, civil dan sebagainya. Dengan adanya suatu lagi mahkamah bagi menentukan tiga mahkamah, saya rasa banyak masalah-masalah yang rumit dapat diselesaikan dalam masa yang tidak begitu lama.

Tuan Yang Dipertua, yang akhir sekali saya suka menyarankan, memang kita sedar negara kita ini ialah fahaman yang menjalankan demokrasi. Tetapi kebelakangan ini kita telah dengar ada di antara kumpulan-kumpulan yang kecil, kumpulan-kumpulan yang tertentu dengan mudah sahaja apabila sesuatu masalah yang dilakukan oleh pihak Kerajaan kumpulan-kumpulan yang kecil ini telah menyaman Kerajaan. Apabila mereka telah menyaman Kerajaan mungkin dalam satu-satu perkara yang pihak Kerajaan, perkara ini perlu dibuat untuk keselamatan negara maka dengan adanya kumpulan-kumpulan yang kecil ini menyaman kepada pihak Kerajaan, maka saya merasai di saat itu kewibawaan Kerajaan agak terganggu kerana dari satu kumpulan yang kecil dapat menyaman Kerajaan membawa ke mahkamah sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat Persekutuan.

Dengan ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya pihak Kerajaan dapat mengadakan suatu Akta (Undang-undang) yang agak boleh menyekat atau menahan, tidak menyekat dengan sepenuhnya supaya perkara-perkara yang kecil tidak boleh dibawa oleh pihak-pihak yang tertentu untuk menyaman Kerajaan. Dengan ini saya merasai kalau kumpulan-kumpulan yang kecil tidak begitu mudah untuk menyaman Kerajaan prestasi dan kewibawaan Kerajaan akan dipandang tinggi dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa inilah sahaja yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan ini. Dengan ini saya

menyokong suatu Akta yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:** Jemput Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

*3.54 ptg.*

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun mohon izin bercakap sepatah dua untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bernama sesuatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana telah menyediakan Rang Undang-undang ini dan di bawah ke Parlimen seterusnya dibahaskan dan akan diluluskan oleh Dewan Negara sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan dalam Dewan ini setahu saya semua kes-kes yang dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan tuntutan kewangan sebagai ganti rugi misalnya apa sahaja kesnya sama ada kes kemalangan jalanraya ataupun bayaran hutang piutang ataupun pampasan penyerahan tanah ataupun bayaran tanah, pendek kata yang ada hubungan kait dengan kewangan maka pihak yang terlibat atau yang menuntut itu tidak akan dapat bayaran kewangan dengan secepat mungkin. Kerana mereka terpaksa menghadiri perbincaraan kedua-dua belah pihak dan kebanyakan mereka menggunakan peguam-peguam untuk mendapatkan tuntutan atau pampasan mereka. Ini memakan masa yang lama kadang-kadang bertahun-tahun, maknanya selagi kes belum putus atau belum diselesaikan dengan pengadilan hakim maka selama itulah mereka menunggu pembayaran wang mereka. Sedangkan mereka itu sangat memerlukan kewangan. Pendek kata, orang-orang

yang menuntut bayaran gaji rugi seumpama pampasan kemalangan maka mereka lambat menerima wangnya sepatutnya wang itu dibayar dengan seberapa segera bagi perbelanjaan yang mereka perlukan barangkali seperti bayaran berubat di hospital ataupun menyara kehidupan mereka sekeluarga dan sebagainya, kadang-kadang hingga bertahun-tahun lamanya baharulah mereka dapat pembayaran itu.

Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, satu kes kemalangan jalanraya telah berlaku iaitu seorang kanak-kanak telah meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya dilanggar kereta di Batu Kikir, Negeri Sembilan kira-kira pada tahun 1975 yang lalu dan sebagaimana biasa tentulah kanak-kanak ini diselamatkan dan dikebumikan oleh keluarganya dan dalam pada itu keluarganya terpaksa menuntut menjalankan, menghadiri perbincaraan antara kedua-dua belah pihak maka pada tahun 1983 baharulah dapat keluarganya yang malang itu menerima bayaran wang daripada kemalangan anaknya itu tadi. Ini tentulah memakan masa yang lama lebih kurang 8 tahun baharu mereka mendapat kewangan sedangkan nyawa seseorang itu tidak dapat ditukar ganti.

Sebagai contoh lagi, Tuan Yang Dipertua, jikalau seorang itu berhutang pula barangkali sebanyak \$10,000 yang tidak dapat diselesaikan di luar mahkamah yang mereka terpaksa dijelaskan melalui mahkamah, maka pihak yang menerima hutang atau piutang telah menyaman buat tuntutan ke mahkamah supaya mereka dapat menjelaskan hutangnya. Itu pun memakan masa yang lama bertahun-tahun juga setelah mahkamah menjatuhkan hukuman baharulah si piutang dapat menerima wang hutang mereka pada hal mereka sangatlah memerlukan kewangan barangkali untuk menjalankan perniagaan dan sebagainya lagi.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya Rang Undang-undang untuk meminda

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ini maka mereka yang menuntut apa-apa bayaran pada satu pihak lain umpamanya yang terlibat dalam kemalangan jalanraya itu tadi maka mahkamah boleh memberikan perintah pada satu pihak lain bagi membolehkan bayaran ganti rugi atau bayaran sementara ataupun pendahuluan kepada mereka yang menuntut itu supaya dapat digunakan wang itu untuk bayaran menerima, untuk bayaran mereka barangkali untuk berubat di hospital umpamanya ataupun untuk menampung hidup sekeluarga. Rang Undang-undang Fasal 6 inilah saya fikir dapat menolong sebagai pembayaran sementara apa yang dikatakan interim yakni sementara kes itu diselesaikan di mahkamah, mahkamah boleh meminta bayaran semasa perbincaraan dijalankan sama ada kes itu dibawa ke Mahkamah Tinggi ataupun Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya pindaan Akta Mahkamah Kehakiman ini bukan sahaja pihak yang menuntut pembayaran semasa dalam perbincaraan dapat menerima pembayaran dengan secepat bahkan juga Rang Undang-undang ini boleh menolong secara tidak langsung kepada orang-orang miskin dan sudah jika mereka dapat kemalangan dalam apa-apa bentuk kemalangan sekalipun, mereka boleh mendapat wang dengan segera untuk apa-apa perbelanjaan mereka tidak seperti dahulu sebelum untuk apa-apa perbelanjaan mereka tidak seperti dahulu sebelum adanya pindaan Rang Undang-undang ini mereka lambat menerima. Rang Undang-undang ini boleh menolong rakyat negara kita secara tidak langsung terutama sekali rakyat di luar bandar.

Demikian juga, Tuan Yang Dipertua, pindaan Rang Undang-undang ini bukan sahaja rakyat boleh mendapat faedahnya tetapi juga Kerajaan boleh mendapat faedah bersama, misalnya jika Kerajaan hendak mendapatkan

penyerahan tanah umpamanya Kerajaan boleh mendapatkan wang dengan seberapa segera daripada jabatan berkenaan atau daripada satu pihak yang lain dengan tidak menunggu masa yang lama.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang Dipertua, setahu saya sekarang Kerajaan kita mengadakan empat jenis tuntutan ke mahkamah:

1. Jika rakyat hendak menyelesaikan tuntutan kewangan ke mahkamah setakat \$10,000 ke bawah maka bolehlah dibuat di mahkamah majistret yakni daerah.
2. Jika tuntutan \$10,000 membawa kepada \$25,000 tuntutan itu dibuat kepada mahkamah session atau ibu negeri.
3. Jika \$25,000 ke atas maka tuntutan itu boleh dibuat ke Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Tinggi boleh menyelesaikannya.
4. Jika ada mereka yang merayu ataupun yang menerima rayuan ataupun pengecualian, maka peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Perlembagaan, maka Mahkamah Persekutuan boleh menyelesaikannya.

Tetapi, Tuan Yang Dipertua, bagi mereka yang hendak menyelesaikan tuntutan-tuntutan kecil iaitu bagi mereka menolong orang-orang yang berpendapatan rendah, maka saya memberikan sokongan penuh kepada Kementerian ini jika telah ada ura-ura Kerajaan hendak mewujudkan Mahkamah-mahkamah Kecil ditubuhkan di daerah-daerah, dan jika belum ada cadangan ini, maka saya sukalah mengesyorkan supaya diwujudkan segera mahkamah-mahkamah kecil ini untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan kecil dalam negara kita ini.

Oleh itu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana telah mengadakan perjumpaan dengan Tuan-tuan Hakim pada 12.11.1984 yang

lalu, mungkin ada kaitan dengan penubuhan mahkamah kecil bagi menyelesaikan tuntutan-tuntutan kecil rakyat.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, sukacita juga saya mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan oleh kerana saya tidak berapa faham iaitu pada masa sekarang ini sesuatu kes yang dibawa ke mahkamah memakan masa yang lama sehingga 5-6 tahun, bahkan ada yang lebih daripada itu barulah mendapat keputusan pengadilan. Jadi kenapakah berlaku demikian, begitu lama baru mendapat penyelesaian pada halnya Kerajaan kita telah mewujudkan slogan BCA (Bersih, Cekap dan Amanah). Pada pendapat saya sepatutnya Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kelewatan tersebut, sama ada menambahkan Hakim-hakim atau pegawai-pegawai yang berkenaan dan lain-lain yang bersangkutan dengannya kerana masalah ini berlaku sudah beberapa lama dan masih berlanjutan lagi semenjak sebelum kita merdeka dahulu sehinggalah ke masa ini. Jadi sukalah saya mendapat penjelasan berkaitan dengan masalah itu.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun dengan adanya pindaan kepada Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman, 1964 ini maka Kerajaan kita dapat memberikan pertolongan secara tidak langsung kepada rakyat luar bandar, terutama sekali rakyat yang miskin seperti yang saya nyatakan tadi.

Jadi itulah sahaja sedikit sebanyak, Tuan Yang Dipertua, dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor.

4.03 ptg.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun

untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Tuan Yang Dipertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini saya rasa akan dapat membantu mahkamah-mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes yang sekarang ini banyak terutama kes-kes yang timbul daripada accident ataupun kemalangan jalan raya.

Tuan Yang Dipertua, saya nampak Rang Undang-undang ini ialah mengenai pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman iaitu berkenaan dengan Mahkamah Tinggi sahaja. Sebenarnya pada masa ini banyak kes-kes yang lambat diselesaikan dan juga di Mahkamah Sesyen terutama oleh kerana ada pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada, dengan izin, Civil Law Act, baru-baru ini. Ini menyebabkan banyak kes-kes yang sepatutnya dahulu difailkan di Mahkamah Tinggi (High Court) oleh kerana had yang dibuat di bawah Akta itu, maka banyak kes terpaksa didaftarkan di Mahkamah Sesyen. Oleh kerana itu akan banyak kes-kes difailkan di Mahkamah Sesyen yang juga memerlukan penyelesaian yang segera terutama kes-kes yang timbul daripada kemalangan jalan raya yang menyebabkan isteri menjadi janda dan anak menjadi yatim piatu yang kebanyakannya kes ini hanya boleh dituntut sekadar di antara \$15,000 sehingga \$25,000.

Jadi oleh kerana itu saya mencadangkan supaya pindaan yang sama seharusnya dibuat kepada Akta Mahkamah Rendah. Saya percaya ini tidak ada di dalam pandangan Kerajaan atau pemikiran Kerajaan. Saya rasa perlu kalau dapat dalam persidangan yang akan datang ini, pindaan yang sama dibuat kepada Akta Mahkamah Rendah ataupun Subordinate Court Act oleh kerana di Mahkamah-mahkamah Majistret.

Tuan Yang Dipertua, satu masalah lagi yang timbul hari ini di peringkat Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Rendah ialah kekurangan Hakim-hakim

atau Majistret. Pada masa ini nampaknya pihak Kerajaan sudah ada mengambil daya usaha untuk menyelesaikan masalah ini. Masalah ini timbul oleh kerana banyak Majistret-majistret ataupun mereka yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman telah berhenti kerja ataupun mengundur diri daripada perkhidmatan tersebut. Maka oleh kerana itu banyak mahkamah-mahkamah sekarang ini kekurangan Majistret. Misalnya, di Kota Bharu yang dahulunya pernah ada 7 Majistret, pada suatu ketika hanya tinggal 3 Majistret dan sekarang ini ada 4 atau 5 Majistret sahaja di Kelantan. Ini menyebabkan banyak kes-kes tidak dapat diselesaikan.

Satu cara yang saya nampak yang Kerajaan telah ambil ialah mengambil bekas-bekas pegawai Polis. Saya menyokong cadangan ini oleh kerana bekas-bekas pegawai Polis adalah mempunyai kemahiran dalam bidang jenayah. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai Polis kebanyakannya tidak ada mempunyai pengalaman dalam bidang sivil, kes-kes seperti kemalangan jalan raya, tuntutan yang dinamakan di bawah Undang-undang "Tort" ataupun di bidang-bidang "Contract", dengan izin. Jadi oleh kerana itu saya rasa kalau dapatlah Kerajaan mengambil daya usaha berbincang dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman semoga mengemukakan satu syor lain iaitu mengambil secara kontrak peguam-peguam yang telah lama berkhidmat sebagai peguam tetapi ingin bersara ataupun sudah jemu dengan kerja peguamnya dan tidak ada "chance" kata orang, hendak jadi Hakim Mahkamah Tinggi. Mungkin ada di antara mereka ini yang bersedia untuk memegang jawatan Majistret ataupun Yang Dipertua Mahkamah secara kontrak. Sebab ini menguntungkan kepada Kerajaan daripada segi mereka ini mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang jenayah dan juga dalam bidang sivil iaitu mengenai kes-kes kemalangan jalan raya di bawah Undang-

undang "Tort", "Contract" dan sebagainya, yang mana kes-kes yang semacam inilah yang menjadi, dengan izin, backlog ataupun kes-kes yang lambat diselesaikan di mahkamah-mahkamah ini.

Jadi sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi suka menekankan bahawa saya berharap supaya Kerajaan akan dengan segera membuat pindaan yang sama kepada Akta Mahkamah Rendah untuk memberi kuasa yang sama kepada Yang Dipertua dan Majistret, kuasa untuk membuat perintah "interim" sebagaimana yang ada di bawah Seksyen 6 dalam Akta Pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong terhadap Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 yang telah dibentangkan oleh saya tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengeluarkan beberapa pendapat dan cadangan yang mana kita akan mengambil perhatian, dan sejumlah besar daripada bahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi sudah tentu berkisar kepada masalah kelewatan yang mana maksud Rang Undang-undang ini pun adalah dalam rangka untuk menyelesaikannya.

Satu masalah yang telah berbangkit dalam kes-kes tuntutan pampasan umpamanya, hutang atau wang pada beberapa tahun yang lalu ialah kelewatan kes-kes tersebut didengar oleh Mahkamah. Kelewatan tersebut telah mengakibatkan kesusahan kepada pihak yang menuntut terutamanya dalam kes-kes kemalangan. Satu lagi perkara seperti yang telah dinyatakan yang telah menimbulkan kesulitan pada masa sekarang ialah kedua-dua pihak dalam

satu-satu kes jenayah boleh merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam pelaksanaan bidang kuasa asalnya kepada Mahkamah Persekutuan. Orang yang disabitkan atau yang telah didapati salah hanya boleh merayu sebenarnya mengenai sabitan atau pendapatan salah tersebut atau hukuman atau kedua-duanya sekali dan pihak Pendakwaraya boleh merayu mengenai pembebasan dan hukuman sahaja.

Mengenai pembayaran interim, kaedah-kaedah Mahkamah akan dibuat bagi mengatasi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, bahawa ada kemungkinan wang yang dibayar kepada pihak penuntut tidak akan dibayar balik sekiranya pihak yang dituntut berjaya dalam bayarannya. Tambahan pula mengikut hujah ini adalah bertujuan untuk membuat kaedah-kaedah Mahkamah bagi membolehkan wang dibayar sebelum perbicaraan dalam kes di mana kes pihak menuntut adalah kuat dan bukan dalam semua kes-kes.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan sebuah Mahkamah di antara Mahkamah Tinggi dengan Mahkamah Persekutuan seperti yang dimaksudkan tadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan mendapati bahawa adalah memadai dengan adanya Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan sahaja. Saya ingin juga menyentuh perkara yang berkaitan dengan penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan memang sedang mengkaji penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil seperti yang dinyatakan tadi.

Mengenai kes-kes yang berlanjutan seperti juga yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah kes-kes yang menjadi tertangguh, sebenarnya ialah disebabkan oleh kerana kadang-kadang kala kedua-dua pihak atau satu pihak tidak bersedia menjalankan

kesnya dan ini menyebabkan kes itu ditangguhkan. Ini adalah perkara-perkara biasa di dalam mana sekiranya terdapat sesuatu sebab yang mana permohonan telah menyebabkan penangguhan.

Ahli Yang Berhormat juga ada menyebut mengenai kumpulan-kumpulan yang cuba mendakwa Kerajaan dan sebagainya. Saya ingin menyatakan bahawa kita mengamalkan sistem demokrasi, mungkin juga perkara-perkara seperti ini kadang kalanya tidak dapat dielakkan. Walau macam manapun, saya ingin menyatakan memang menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mempertahankan segala dasarnya dan segala pelaksanaan dasarnya, dan mempertahankan perkara-perkara ini adalah mengikut lunas-lunas demokrasi juga. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan saya memperhatikan memang banyak pendapat-pendapat yang bernas dalam rangka menyokong Rang Undang-undang ini dan saya ingin menyakinkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian bahawa segala pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu sudah tentu pihak Kerajaan akan mengambil catitan. Sekali lagi terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA SABAH (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.17 ptg.*

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, bagi penuntut-penuntut undang-undang yang datangnya daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang menjalani kursus undang-undang di universiti-universiti di England, mereka perlu mendapat kelulusan Bar di sana sebelum diterima masuk sebagai peguam di negeri masing-masing. Ini tidaklah membangkitkan apa-apa masalah sehingga tahun 1978 apabila Council of Legal Education, iaitu pihak yang menganjurkan kursus Bar di England membuat pengumuman dalam bulan November tahun ini bahawa mulai dari tahun 1984, hanya penuntut-penuntut undang-undang yang telah mendapat Kejujian Kelas Pertama atau Kedua dalam peperiksaan undang-undang terakhir mereka sahaja yang dapat diterima untuk kursus Bar tersebut. Ini bermakna bahawa penuntut-penuntut yang gagal mendapat kejujian-kejujian tersebut tidak akan dapat menjalankan kursus Bar di England dan seterusnya tidak akan dapat diterima masuk menjadi peguam di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mengikut peruntukan undang-

undang negeri masing-masing. Bagi mengatasi masalah ini di Semenanjung Malaysia, Lembaga Kelayakan yang ditubuh di bawah Akta Profession Undang-undang 1976 yang dipakai di Semenanjung Malaysia sahaja, telah menganjurkan satu kursus yang lebih kurang serupa dengan kursus Bar di England khas untuk penuntut-penuntut tersebut dan kursus tersebut telahpun bermula pada awal tahun 1984. Seseorang yang selesai menjalani kursus tersebut dan lulus dalam peperiksaan akhirnya akan diaward satu sijil yang dinamakan Sijil Amalan Guaman dan dengan pengiktirafan sijil tersebut di bawah Akta Profession Undang-undang 1976 melalui P.U. (B) 123/84, seseorang itu bolehlah memohon diterima masuk sebagai peguam di Semenanjung Malaysia.

Beberapa daripada penuntut-penuntut yang menghadiri kursus tersebut datangnya daripada Sabah dan mereka ingin memohon diterima masuk sebagai peguam di negeri tersebut tetapi oleh kerana Ordinan Peguambela Sabah pada masa ini belum lagi mengiktirafkan sijil tersebut, pindaan adalah perlu dibuat kepada ordinan tersebut untuk mengatasi masalah ini.

Dengan adanya pindaan ini kesempatan juga diambil bagi membuat pindaan kepada ordinan tersebut mengenai rujukan kepada negeri Brunei.

Oleh sebab pemansuhan Supreme Court of Brunei, North Borneo and Sarawak, dengan izin, pada waktu Malaysia ditubuhkan adalah dianggap wajar. Rujukan tersebut dipotong oleh kerana ianya tidak membawa apa-apa erti lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah dihadapan

Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

#### 4.22 ptg.

**Tuan Paramjit Singh:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dan menyokong Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sabah). Ini adalah satu pindaan yang mudah. Tetapi saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi beberapa point-point yang ringkas untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

Yang pertama sekali saya ingin mencadangkan bahawa peguam-peguam Malaysia Barat diizinkan untuk latihan guaman yang bebas di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya.

Pada waktu ini seorang peguam dari Malaysia Barat hanya boleh berlatih di Malaysia, dengan izin, *ad hoc basis*

Tuan Yang Dipertua, saya dapati bahawa susunan seperti ini telah diperlukan untuk satu jangka masa yang tertentu.

Untuk memberi perlindungan kepada peguam-peguam Malaysia Timur daripada pertandingan yang hebat yang wujud daripada peguam-peguam Malaysia Barat yang lebih berpengalaman.

Saya bersetuju bahawa pembatasan ini diperlukan supaya memberi masa yang cukup kepada peguam-peguam Malaysia Timur untuk menambah pengalaman dan mengukuh lagi latihan guaman mereka supaya boleh bertanding dengan peguam-peguam Malaysia Barat.

Dengan izinnya saya juga ingin memperkatakan bahawa pembatasan ini tidak sepatutnya wujud untuk satu jangka masa yang lama, kerana ini akan

membawa satu kesan yang negatif kepada perkembangan profesion guaman di Malaysia Timur.

Tuan Yang Dipertua, adalah sangat penting bagi kita untuk mewujudkan satu pertandingan yang sihat untuk berkembang profesion peguam di Sabah dan Sarawak. Setiap profesional boleh jadi seorang doktor, peguam, engineer dan sebagainya perlu menyiapkan diri supaya dapat menghadapi sebarang pertandingan.

Tuan Yang Dipertua, satu perbezaan yang nyata wujud di antara seorang profesional dengan seorang ahli perniagaan dalam kes seorang profesional dia ada tertakluk kepada Rang Undang-undang atau, dengan izin, "Code of Conduct" yang mesti dipatuhi.

Jika seorang profesional melanggar peraturan Rang Undang-undang beliau akan dihukum dan lesennya akan dibatalkan. Oleh sebab ini walaupun peguam-peguam Malaysia Barat dibenarkan untuk berlatih di Malaysia Timur, saya mempunyai keyakinan bahawa mereka akan mewujudkan satu pertandingan yang sihat yang diperlukan untuk berkembang profesen undang-undang di Malaysia Timur.

Tuan Yang Dipertua, pada pendapat saya jika peguam Malaysia Barat dibenarkan diri dan menjalankan latihan guaman mereka di Malaysia Timur rakyat di sana akan beruntung dengan banyak. Mereka akan mempunyai satu pilihan peguam yang lebih luas dan oleh sebab dengan wujudnya pertandingan maka yuran peguam akan dikurangkan. Lagi pun mereka akan mempunyai peguam-peguam yang lebih berpengalaman.

Saya harap bahawa walaupun Kerajaan tidak menghapuskan pembatasan ini dengan menyeluruh tetapi secara berperingkat-peringkat kerana ini akan membawa kepada satu perkembangan yang sihat kepada profesion undang-undang Malaysia Barat dan Timur.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin memperkatakan sepatah dua tentang kekurangan bilangan Magistret di dalam negeri.

Saya bersetuju bahawa professional-professional akan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan untuk mendapat kerja yang mempunyai gaji yang lebih lumayan di sektor swasta. Saya bersimpati dengan Kerajaan dalam masalah ini.

Baru-baru ini saya telah baca dalam surat khabar bahawa pegawai-pegawai Polis yang telah bersara telah dijadikan Magistret untuk mengatasi masalah pengurangan Magistrate dalam negeri.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong langkah ini tetapi saya juga ingin mengatakan bahawa Pegawai-pegawai Polis yang telah bersara ini dapat mengatasi masalah kes-kes jenayah tetapi mereka akan menghadapi kesulitan untuk menyelesaikan kes-kes sivil.

Akhirnya ramai orang akan meminta pertimbangan tentang kes-kes ini dan ini akan menambahkan lagi kerja Mahkamah Tinggi.

Saya harap pihak Kerajaan akan melantik mereka yang mempunyai kelakuan untuk menjadi Magistret supaya masalah ini dapat diatasi.

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan bahawa pihak Kerajaan akan mempertimbangkan untuk melantik peguam-peguam kanan daripada sektor swasta sebagai Magistret secara kontrak. Boleh jadi ini akan memakan belanja yang lebih banyak, tetapi saya berpendapat ini adalah lebih baik dan melantik Pegawai-pegawai Polis yang bersara kerana mereka tidak boleh mengatasi masalah Sivil Cases.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan bahawa sebelum sebarang

pindaan dibuat kepada undang-undang negara ini pihak Kerajaan sepatutnya mempertimbangkan pendapat-pendapat Majlis Peguam Malaysia.

Majlis Peguam Malaysia adalah satu badan profesional dan saya mempunyai keyakinan bahawa mereka akan memberi pendapat-pendapat yang konstruktif tentang pindaan-pindaan undang-undang dalam negara.

Pada suatu masa dahulu pihak Kerajaan telah mempertimbangkan pendapat-pendapat Bar Council tetapi malangnya oleh sebab beberapa isu yang kekal berhubung dengan Majlis Peguam dan Peguam Negara yang dahulu telah menjadi tegang dan oleh sebab ini pendapat-pendapat Majlis Peguam tidak lagi dipertimbangkan apabila pindaan undang-undang dibuat.

Tuan Yang Dipertua, dengan sukacitanya saya dapati bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia telah mewujudkan satu portfolio untuk melantik seorang Menteri Kehakiman dan Yang Berhormat Datuk Dr. James P. Ongkili telah dilantik. Saya harap Yang Berhormat itu akan mengadakan satu perhubungan yang erat dengan Majlis Peguam dan seterusnya mempertimbangkan pendapat-pendapat mereka. Ini adalah sihat bagi pembangunan undang-undang dalam negara. Saya harap pihak Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan saya.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sabah). Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:** Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.29 ptg

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:**  
Tuan Yang Dipertua, saya

mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang baru bercakap sebentar tadi yang telah pertamanya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh saya khususnya untuk meminda Ordinan Peguambela (Sabah).

Ahli Yang Berhormat itu telah membawa tiga pokok pandangan, pertama mengenai peguam-peguam Semenanjung yang diharapkan supaya boleh berlatih dengan lebih luas lagi di Malaysia Timur. Kedua, mengenai kekurangan Magistret dalam negara yang mana Ahli Yang Berhormat telah juga mencadangkan supaya peguam-peguam daripada sektor swasta juga diambil untuk dilantik sebagai Magistret dan pokok perbahasan yang ketiga ialah berhubung dengan pihak Kementerian Kehakiman khususnya Yang Berhormat Menteri Kehakiman dengan Majlis Peguam seperti yang diharapkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya wujudnya satu perhubungan yang lebih erat.

Yang Berhormat juga telah menyebutkan perhubungan yang erat sekarang ini tidak berlaku oleh kerana pada suatu masa dahulu mengikut Ahli Yang Berhormat keadaan telah menjadi tegang.

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Paramjit Singh tadi, Kerajaan sedang mengkaji tindakan yang perlu untuk memperluaskan lagi penguatkuasaan Akta Profesen Undang-undang 1976 ke Sabah dan Sarawak, tetapi tindakan ini perlu dilakukan dengan berhati-hati untuk mengelakkan penimbunan apa-apa masalah yang tidak diingini.

Mengenai ulasan perbahasan-perbahasan yang lain dan kandungan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya mengucapkan terima kasih dan saya ingin menyakinkan bahawa pihak Kementerian Kehakiman akan mengambil perhatian.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA SARAWAK (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.33 ptg.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, tujuan pindaan Rang Undang-undang ini adalah serupa dengan pindaan kepada Ordinan Peguambela Sabah yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Oleh kerana terdapat, beberapa penuntut dari negeri Sarawak yang telah menjalani Kursus Sijil Amalan Guaman yang telah selesai baru-baru ini, adalah perlu bagi pindaan dibuat kepada

Ordinan Peguambela Sarawak supaya sijil tersebut akan diberi pengiktirafan bagi membolehkan lulusan-lulusan tersebut masuk sebagai peguam di negeri itu. Oleh kerana peruntukan undang-undang adalah lebih kurang serupa mengenai perkara ini di negeri Sabah dan Sarawak, pindaan mengenai pengiktirafan tersebut juga dicadangkan di perenggan kecil (cc), seksyen kecil (1), seksyen 4 Ordinan Peguambela Sarawak. Walau bagaimanapun di dalam Ordinan tersebut syarat menjadi Majistret Kelas Pertama selama tempoh 12 bulan belum dimasukkan lagi, sungguhpun negeri Sabah telah berbuat demikian dalam tahun 1976. Melalui Rang Undang-undang ini dan atass permintaan Kerajaan Negeri Sarawak, syarat ini telah dimasukkan untuk menyeragamkan kedudukan dengan negeri Sabah.

Seperti juga di negeri Sabah, oleh sebab pemansuhan Supreme Court of Brunei, North Borneo and Sarawak, dengan izin, semua rujukan negeri Brunei dalam Ordinan tersebut juga dipotong.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.36 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil perbincangan sedikit dalam membahaskan Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak, yang mana sebentar tadi telah pun diterangkan isi kandungannya

oleh Yang Berhormat Menteri, dan begitu juga kandungan dan penjelasan yang sama terjadi kepada Akta meminda Ordinan Peguambela Sabah sebentar tadi, yang mana seorang ahli Dewan telah pun membahaskan Rang Undang-undang itu.

Saya rasa dalam masalah ini tidak ada apa-apa, hanya saya mencadangkan memandangkan keadaan Sabah dan Sarawak adalah dalam Malaysia, oleh itu dalam masalah ini, adakah pihak Kerajaan memikirkan yang kita masih lagi membeza-bezakan antara satu negeri dengan satu negeri, sedangkan sekarang Sabah dan Sarawak termasuk juga Semenanjung Malaysia ini telah menjadi satu gugusan Malaysia. Oleh itu supaya tidak menjadi masalah dalam negeri ke satu negeri, apa salahnya pihak Kerajaan menyelaraskan Undang-undang Ordinan Peguambela ini ke seluruh negara Malaysia ini, tidak hanya ke Sabah dan Sarawak sebagaimana yang kita luluskan ini. Itulah sahaja pandangan saya.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas Rang Undang-undang Pindaan ini yang dibentang bagi membolehkan rakyat negara kita supaya generasi muda yang banyak telah lulus dalam bidang kehakiman agar dapat mereka ini menjalankan tugas untuk kepentingan negara kita, yang mana pihak Kerajaan telah pun membelanjakan begitu banyak wang ringgit bagi membiayai mereka ini mengadakan universiti di dalam negeri, di luar negeri juga kita menghantar mereka ini belajar, mudah-mudahan mereka ini akan balik memberikan khidmat kepada negara. Sebagaimana yang dikatakan masih kekurangan lagi, agar mereka ini benar-benar menumpukan usaha mereka di atas profesion mereka ini supaya tidak menjadikan masalah dalam negara kita ini, kerana di masa ini, Tuan Yang Dipertua, kadangkala mereka ini sebagai Peguambela mestilah menjalankan tugas-tugas mereka sebagai Hakim yang jujur, ikhlas, tidak

menyebelah kepada mana-mana pihak, kerana dalam negara kita ini ada berbilang kaum dan bangsa, begitu juga ideologi politik mereka masing-masing dan mereka ini menjalankan tugas dengan baik.

Dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

4.38 ptg.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang baru sebentar tadi menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh saya. Saya juga mengambil perhatian serta pandangan Ahli Yang Berhormat supaya semua undang-undang di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung diseragamkan.

Pandangan Ahli Yang Berhormat itu sava mengambil catatan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas sokongan mengenai Rang Undang-undang yang telah saya bawakan tadi.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

4.43 ptg.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1984 dibaca bagi kali yang kedua. Akta Ibu iaitu Akta Saraan Hakim 1971 yang dicadangkan dipinda ialah akta yang memperuntukan faedah-faedah persaraan kepada Hakim-hakim dan tanggungan mereka.

Jika dibandingkan faedah-faedah persaraan yang diperuntukkan kepada Hakim berasaskan kepada Akta Saraan Hakim 1971 yang terpakai ke atas mereka pada masa ini dengan faedah-faedah persaraan yang diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 dan Akta Penyelarasan Pencen 1980 yang dipakai ke atas pegawai-pegawai perkhidmatan awam, maka terdapat beberapa kekurangan kerana belum diadakan peruntukan bagi menguatkuasakan beberapa perubahan ke atas dasar mengenai skim pencen yang telah pun dilaksanakan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam.

Pindaan kepada Akta Saraan Hakim 1971 yang dicadangkan sekarang adalah memasukkan peruntukan-peruntukan baru bagi melanjutkan faedah penyelarasan pencen berdasarkan gaji semasa, perlanjutan tempoh pencen terbitan dan untuk meminda beberapa peruntukan yang ada supaya prinsip-prinsip dalam skim pencen bagi Hakim adalah sama dan seragam dengan prinsip-prinsip dalam skim pencen bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam, badan berkanun dan kuasa tempatan.

Rang Undang-undang ini hendaklah dianggap berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980. Tarikh tersebut dipilih berasaskan kepada tarikh kuatkuasa Akta Penyelarasan Pencen 1980 bagi pegawai dalam perkhidmatan awam supaya pelaksanaannya diseragamkan. Pindaan juga dicadangkan untuk menerangkan lebih lanjut lagi akan tajuk panjang Akta yang bertujuan menerangkan bahawa Akta ibu ini bukan sahaja untuk membuat peruntukan mengenai saraan, tetapi juga bagi pencen dan faedah-faedah lain.

Bagi seseorang Hakim yang terpaksa bersara atas sebab kesihatan atau terhenti menjadi Hakim pada bila-bila masa kerana tidak berupaya menjalankan tugas atas sebab kesihatan dan dalam hal kematian seseorang Hakim dalam perkhidmatan adalah dicadangkan supaya pencen minima sebanyak 1/5 daripada gaji akhir diberikan kepada Hakim atau tanggungannya. Bayaran pencen yang terendah tidak kurang daripada 1/5 daripada gaji akhir telah pun diperuntukkan dalam undang-undang pencen berkenaan bagi perkhidmatan awam, badan berkanun dan kuasa tempatan.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan pencen terbitan, Fasal 9 bertujuan menggantikan Seksyen 10 dan 11 dengan peruntukan baru. Dengan pindaan ini pencen terbitan yang dikurniakan kepada tanggungan bagi seseorang Hakim yang meninggal dunia dalam perkhidmatan yang sekarang dijaminakan bagi tempoh selama 12½ tahun daripada tarikh Hakim itu meninggal dunia boleh terus dibayar selepas tempoh tersebut atas kadar 70% daripada pencen penuh yang dikira berdasarkan kepada perkhidmatan sebenar dan gaji akhir diterima. Pencen terbitan yang dikurniakan kepada tanggungan bagi seseorang Hakim yang meninggal dunia dalam tempoh 12½ tahun selepas persaraan juga boleh terus dibayar selepas tempoh 12½ tahun

daripada tarikh Hakim itu bersara atas kadar 70% daripada pencen penuh. Dalam hal kematian seseorang Hakim selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraannya, maka tanggungannya juga layak menerima pencen terbitan atas kadar 70% daripada pencen penuh. Duda bagi seseorang Hakim wanita juga akan layak diberi pencen terbitan sebagaimana didapati dalam skim-skim pencen lain.

Berhubung dengan pembayaran pencen terbitan kepada anak-anak, mengikut dasar yang dimuatkan dalam undang-undang pencen lain, pencen terbitan kepada seseorang anak akan dibayar sehingga seseorang anak itu mencapai umur 21 tahun atau berkahwin mengikut mana yang terdahulu. Walaupun seseorang anak melangkaui umur 21 tahun, pencen terbitan boleh terus dibayar dalam hal seseorang anak cacat otak atau anggota tidak berupaya mencari nafkahnya sendiri. Seseorang anak yang sedang mendapat didikan di institusi pelajaran tinggi juga boleh dibayar pencen terbitan walaupun telah mencapai umur 21 tahun sehingga ia menamat atau terhenti mendapat didikan tetapi tidak melampaui ijazah yang pertama.

Satu pindaan lagi menerusi Fasal 9 ialah untuk memperuntukkan faedah-faedah kecederaan dan kematian kepada Hakim atau tanggungannya yang sekarang hanya layak untuk bayaran wang sekali gus dari menanggung bencana yang disebabkan oleh kemalangan dalam kapal terbang. Seksyen baru, seksyen 11(b) iaitu mengenai penganugerahan faedah-faedah persaraan bagi seseorang Hakim yang bersara sama ada —

- (a) mendapat kecederaan berbangkit daripada menjalankan tugas rasmi atau dalam perjalanan; atau
- (b) dihindangi penyakit yang ada hubungan dengan alam pekerjaan.

Sekiranya berlaku salah satu daripada perkara ini, seseorang Hakim itu akan layak mendapat faedah kecederaan mengikut kadar yang ditetapkan. Kadar yang ditetapkan dan syarat untuk pembayaran adalah sama dengan kadar yang ditetapkan dalam undang-undang pencen bagi perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, bagi Hakim yang sedang berkhidmat dan diperuntukkan faedah kecederaan bagi kemalangan dalam kapal terbang, pemakaian peruntukan baru ini kepada Hakim itu adalah atas pilihanraya yang hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas undang-undang pindaan ini diwartakan.

Seksyen 11C, bagi Hakim yang dilantik selepas pengwartaan undang-undang pindaan ini dan bagi Hakim yang sedang berkhidmat yang telah membuat pilihan untuk tertakluk kepada peruntukan ini bertujuan memberi faedah kematian kepada tanggungannya. Sekiranya seseorang Hakim itu meninggal dunia dalam tempoh 7 tahun daripada tarikh ia mendapat kecederaan di mana kematian itu adalah berpunca daripada penyakit atau kecederaan yang menimpa seseorang Hakim itu, tanggungan-tanggungan kepada Hakim adalah berkelayakan mendapat pencen tanggung sebagai tambahan kepada pencen terbitan yang diterimanya. Ini dibuat bergantung kepada balu tidak berkahwin semula dan tanggungan-tanggungan yang dikurniakan pencen tanggungan tertakluk kepada maksima 6 orang anak.

Peruntukan baru dalam Seksyen 11E akan membolehkan baki pencen dibuat kepada tanggungan bagi Hakim yang mati sebelum pembayaran dilakukan tanpa menggunakan surat tadbir atau probet. Dengan demikian pembayaran dapat dipercepatkan. Tuan Yang Dipertua, seseorang pegawai dari perkhidmatan awam boleh dilantik sebagai Hakim dan dalam hal itu pegawai tersebut adalah dibersarakan

dari perkhidmatan awam dan faedah persaraannya adalah dibekukan sehingga beliau mencapai umur 50 tahun. Kedudukan Hakim itu dari perkhidmatan awam untuk menerima faedah persaraannya sekiranya beliau meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 50 tahun perlu dijelaskan dan bagi maksud ini Seksyen 12 dalam Akta Ibu akan dipinda sebagaimana diperuntukkan dalam Fasal 10.

Seseorang Hakim yang dilantik dari perkhidmatan awam itu apabila meningkat umur 50 tahun boleh diberi pencen dan ganjaran bagi perkhidmatan awam dalam keadaan di mana seseorang Hakim itu memegang jawatannya atau memegang jawatan lain di atas persetujuan Kerajaan atas dasar beliau masih berkhidmat sehingga mencapai umur tersebut iaitu umur untuk bersara secara pilihan sendiri bagi perkhidmatan awam. Namun begitu, seseorang Hakim walaupun belum meningkat umur 50 tahun boleh diberikan pencen dan ganjaran sekiranya beliau dibersarakan kerana tidak berkeupayaan menjalankan tugasnya atas sebab-sebab kesihatan. Dalam hal kematian dalam perkhidmatan atau selepas persaraan atas sebab kesihatan sebelum meningkat umur 50 tahun, pencen terbitan dan ganjaran terbitan akan dibayar kepada tanggungannya.

Antara perubahan ke atas skim pencen bagi Hakim yang telah dinyatakan iaitu supaya pencen dan faedah lain untuk Hakim yang telah bersara dan tanggungan mereka diselaraskan dengan peruntukan yang dicadangkan adalah dalam Bahagian IIIA menerusi Fasal 12. Dengan adanya peruntukan ini semua Hakim yang telah bersara dan juga tanggungan mereka adalah layak untuk menerima faedah penyelarasan pencen apabila terdapat sebarang penyemakan gaji yang dibuat kepada Hakim-hakim. Penyelarasan pencen dan faedah-faedah lain akan dibuat melalui pengiraan semula pencen dan faedah-faedah lain berdasarkan tanggungaji semasa yang sepatutnya diterima oleh seseorang

Hakim seolah-olah beliau telah bersara atau meninggal dunia dalam perkhidmatan selepas tanggungaji semasa dilaksanakan. Walau bagaimanapun, faedah penyelarasan ini akan dibayar kepada Hakim yang telah bersara atau tanggungan kepada mereka yang telah meninggal dunia berkuatkuasa mulai 1 Julai 1980 di mana tarikh ini adalah sama dengan tarikh kuatkuasa undang-undang pencen yang berkenaan bagi perkhidmatan awam, badan berkanun dan kuasa tempatan, angkatan tentera dan juga Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.

Tuan Yang Dipertua, penyelarasan pencen dan faedah-faedah lain serta pembayaran pencen terbitan selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan atau daripada tarikh kematian sekiranya seseorang Hakim mati dalam perkhidmatan adalah atas syarat bahawa seseorang penerima pencen atau faedah lain hendaklah bermastautin di Malaysia. Jadi seseorang yang telah diberi faedah penyelarasan pencen hilang kelayakannya untuk menerima faedah penyelarasan pencen tersebut, maka beliau akan hanya diberi pencen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Ibu sebelum pindaan ini diluluskan. Sekiranya seseorang tanggungan yang telah diluluskan pencen terbitan selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan atau daripada tarikh kematian Hakim dalam perkhidmatan terhenti menjadi pemastautin, maka ia akan hilang kelayakannya untuk menerima pencen terbitan.

Seseorang Hakim atau tanggungannya yang telah hilang kelayakannya menetap semula di Malaysia ia juga tidak layak menerima faedah penyelarasan pencen dan pencen terbitan seumur hidup dan perkara ini adalah diterangkan di dalam subseksyen 15(2) baru di bawah Fasal 12. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mencadangkan bahawa peruntukan dalam pindaan-pindaan ini yang

memastikan seseorang penerima bermastautin di Malaysia dipakai secara mutlak kepada semua pesara dan tanggungan mereka tanpa kelonggaran. Oleh itu peruntukan adalah dimasukkan supaya mengecualikan seseorang penerima pencen atau kategori-kategori penerima daripada syarat pemastautin, untuk melayakkan seseorang itu menerima faedah penyelarasan pencen serta faedah-faedah lain jika ia berada di luar negeri atas sebab-sebab tertentu. Pengecualian ini adalah sama juga dengan apa yang terdapat dalam Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983 yang membolehkan seseorang yang berada di luar negeri atas sebab-sebab yang diluluskan oleh Kerajaan layak mengekalkan taraf pemastautinnya.

Satu pindaan lagi yang dicadangkan ialah untuk meminda tarikh kuatkuasa pemberian award sebagai gantian cuti rehat yang diperuntukkan dalam perenggan 12A dalam Jadual Kedua dari 1 Julai 1980 kepada 1 Januari 1974 supaya disamakan dengan tarikh pemberian award yang serupa kepada pegawai dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang Dipertua, saya suka mengulangi bahawa segala pindaan yang dicadangkan kepada Akta Saraan Hakim 1971 adalah bertujuan membuat penyeragaman kepada pembayaran pencen dan faedah-faedah lain bagi Hakim sepertimana yang terdapat bagi kakitangan dalam sektor awam.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

4.59 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi mengambil sedikit perbincangan di dalam untuk meminda Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1984 yang mana huraiannya begitu panjang lebar telahpun dibaca oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Akta Saraan Hakim 1971 Pindaan 1984 yang mana keseluruhan, kesimpulannya yang telah dibacakan tadi adalah serupa sahaja dengan pindaan-pindaan berhubung dengan pencen ataupun saraan yang telah diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang lain yang mana Yang Berhormat sendiri pun telah menyatakan bagi menyeragamkan pencen-pencen ini kepada semua kakitangan Kerajaan termasuk hakim-hakim dalam negara kita ini.

Oleh itu saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana dalam masalah ini kita selalu mendengar pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan juga pegawai-pegawai yang lain dan begitu juga penuntut yang belajar di Universiti yang mengambil berbilang-bilang jurusan untuk pekerjaan mereka masing-masing. Kadangkala mereka ini bertanya-tanya dan mengatakan tidak puas hati tentang layanan dan begitu juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan mereka termasuk juga pencen-pencen yang mana tidak seragam sebagaimana terdahulu tetapi alhamdulillah dengan keadaan ini kita harap prasangka ataupun iri hati dan sebagainya, pegawai-pegawai Kerajaan sama ada dia hakim, jurutera dan seterusnya supaya mereka akan dapat sama-sama menerima pencen sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Oleh itu, dalam masalah ini sungguhpun begitu panjang huraian tetapi saya rasa selama ini sejak kita bersama-sama dalam Dewan ini, saya rasa bolehlah dikatakan saranan Hakim,

pencen dan seterusnya adalah begitu serupa sahaja, hanya untuk menyeragamkan sahaja.

Oleh itu dengan ini saya bersama-sama menyokong akan Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

**Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 18* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama dan kedua* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TAKAFUL, 1984

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.03 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua,

saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi mengadakan perundangan mengenai kawalan perniagaan Takaful di Malaysia dan bagi lain-lain tujuan yang berkenaan dengan atau berkaitan dengan Takaful" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, insurans sebagai satu institusi kewangan di dalam negara ini memang tidak dapat dinafikan memainkan peranan di dalam perkembangan ekonomi negara. Selain daripada memberikan perlindungan kepada individu, syarikat dan juga perniagaan ia merupakan suatu daripada punca kewangan bagi pembangunan negara.

Namun demikian sejak beberapa tahun yang lepas keraguan telah timbul sama ada insurans yang berjalan sekarang ini bertentangan dengan syariah. Berbagai pendapat dan pandangan yang berbeda dan bertentangan telah dikemukakan. Atas kesedaran untuk mengelakkan keraguan ini di kalangan umat Islam, usaha-usaha telah dijalankan untuk mengadakan suatu institusi insurans Islam di negara ini. Usaha ini telah dijalankan sejak tahun 1982 di mana Badan Perunding Islam telah meminta Yang Berbahagia Dato' Profesor Ahmad Ibrahim menyediakan kertas kerja mengenai kemungkinan menubuhkan syarikat insurans secara Islam di negara ini. Sementara itu, Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Penubuhan Bank Islam dalam laporannya telah mengesyorkan supaya insurans secara Islam ditubuhkan secepat mungkin.

Seterusnya pada 25hb Oktober, 1982, Badan Petugas bagi Mengkaji Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia telah dilantik dengan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Profesor Ahmad Ibrahim.

Dalam kajiannya, Badan Petugas telah memberi perhatian kepada aspek-

aspek syariah, undang-undang dan urusan insurans secara Islam. Badan Petugas berpendapat bahawa insurans secara Islam hendaklah berdasarkan kepada konsep Takaful yang menggambarkan perpaduan, kerjasama dan tolong menolong di antara peserta.

Konsep Takaful ini berbeza dengan konsep insurans yang dijalankan sekarang. Perbezaan yang penting ialah dari segi niat, prinsip dan urusniaganya. Peserta Skim Takaful ini berhasrat bersama-sama memberi sumbangan kewangan berdasarkan kepada derma dengan niat kerana Allah untuk memberi bantuan kewangan di antara satu sama lain apabila ditimpa bencana.

Badan Petugas ini telah mengemukakan laporannya pada 15hb Jun, 1984 dan di antara perakuannya ialah:—

1. Sebuah syarikat takaful hendaklah ditubuhkan secepat mungkin untuk memenuhi hasrat umat Islam negara ini;
2. Bagi merlesen dan mengawal perjalanan syarikat takaful, suatu undang-undang baru bernama "Akta Takaful 1984" hendaklah digubal; dan pengawasan syarikat takaful di bawah Akta ini hendaklah dilakukan oleh Kementerian Kewangan;
3. Syarikat takaful hendaklah menubuhkan satu Lembaga Pengawasan Syariah untuk memastikan syarikat menjalankan urusan berpadu kepada lunas-lunas hukum syarak;
4. Inisiatif awal penubuhan syarikat takaful di pertanggungjawabkan kepada Bank Islam Malaysia Berhad.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan adalah berazam untuk menyerapkan unsur-unsur Islam dalam sistem kewangan negara ini. Penubuhan

syarikat takaful adalah satu daripada perkembangan yang penting di dalam usaha ini.

Azam dan kesungguhan Kerajaan ini tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya tidak mendapat sokongan yang sepenuhnya dari semua lapisan masyarakat Islam di negara kita ini.

Kerajaan hanya boleh memperkenalkan, menyerap dan memupuk unsur-unsur dan nilai Islam tetapi kejayaannya adalah bergantung kepada sokongan dari semua pihak, khususnya umat Islam.

Bagi mereka yang bukan Islam, penubuhan dan pelaksanaan takaful ini tidak akan menjejaskan kedudukan mereka. Dengan demikian, penubuhan takaful ini haruslah diterima dengan hati terbuka sebagai tambahan kepada sistem perdagangan yang ada sekarang.

Buat permulaan, Kerajaan akan hanya melesenkan satu sahaja syarikat takaful. Ini memandangkan konsep takaful dan pelaksanaannya adalah satu perkara yang baru dan Kerajaan ingin melihat kejayaan syarikat takaful ini terlebih dahulu. Syarikat yang dicadangkan ini akan mempunyai modal dibayar sebanyak \$10 juta. Pemegang sahamnya adalah terdiri dari Bank Islam yang akan memegang saham sebanyak 51% dan saham selebihnya sebanyak 49% akan dipegang oleh Majlis-majlis Ugama Islam di semua negeri dan Pertubuhan-pertubuhan Islam Negeri. Kerajaan akan memberi pinjaman tanpa faedah sebanyak \$1 juta sebagai pinjaman pelancaran.

Syarikat Takaful ini akan mempunyai struktur organisasi yang mencerminkan objektif perbadanan sebagai sebuah syarikat perdagangan. Di peringkat tertinggi ia mempunyai Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif. Di samping itu Lembaga Pengawas Syariah ditubuhkan untuk menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan hal-hal yang berkaitan dengan agama

Islam. Kejayaan dan kemajuan syarikat takaful ini akan juga bergantung kepada keutuhan dan kemampuan pegawai-pegawai pelupor yang seterusnya akan melatih pegawai-pegawai dan kakitangan yang baru kelak.

Tuan Yang Dipertua, syarikat takaful akan menjalankan dua jenis perniagaan iaitu takaful Keluarga dan Takaful am. Peserta yang menyertai skim takaful ini adalah dikehendaki membuat satu perjanjian. Perjanjian antara syarikat dengan peserta takaful ini merupakan perjanjian Al-Mudharabah. Syarikat takaful akan bertindak sebagai pengusaha yang menerima bayaran wang caruman penyertaan, mengurus pelaburan, membayar manfaat dan sebagainya. Dalam perjanjian ini dimeterikan serentak, bagaimana keuntungan dari perjalanan dan pengendalian skim-skim takaful berkenaan akan dibahagikan antara syarikat dan peserta. Peserta-peserta akan diberitahu dengan jelas bagaimana wang caruman akan ditadbir dan dilabur, dan sebahagiannya akan digunakan bagi menolong rakan-rakan peserta yang ditimpa malapetaka atau bencana. Mereka juga diberitahu dengan jelas tentang hak-hak mereka berhubung dengan perlindungan yang diberi dan berhubung dengan apa-apa hasil yang akan mereka perolehi dari skim-skim berkenaan.

Di bawah perlindungan Takaful Keluarga, bayaran ansuran caruman takaful peserta akan dibahagikan kepada dua akaun yang dikenali sebagai 'Akaun Peserta' dan 'Akaun Khas Peserta'. Akaun Peserta adalah untuk tujuan tabung atau simpanan dan pelaburan. Sementara Akaun Khas Peserta pula adalah untuk menyediakan suatu jumlah wang sebagai keperluan membayar manfaat takaful kerana kematian peserta.

Skim-skim Takaful Keluarga yang dapat disertai buat peringkat permulaan ini akan mempunyai tempoh matang selama 10 tahun, 15 tahun dan 20 tahun.

Di bawah perlindungan Takaful Am pula, peserta-peserta sama-sama bersetuju membuat sumbangan kewangan bagi mengumpul suatu kumpulanwang sebagai persediaan mengadakan suatu jumlah wang yang digunakan untuk membayar pampasan kepada peserta-peserta yang ditimpa bencana dan malapetaka seperti yang ditentukan di bawah skim-skim perlindungan Takaful Am yang berkenaan. Peserta-peserta yang menyertai skim-skim perlindungan Takaful Am ini akan memetrikkan suatu perjanjian Al-Mudharabah dengan syarikat. Di bawah perjanjian ini hak kedua-dua pihak adalah dinyatakan dengan jelas seperti dalam Takaful Keluarga. Jika sekiranya kumpulanwang ini masih mempunyai lebih setelah ditolak perbelanjaan kendalian Takaful Am, seperti membayar pampasan kepada peserta-peserta yang ditimpa bencana dan sebagainya, maka di dalam perjanjian ini sudah ditentukan dengan terang pembahagian lebih berkenaan antara syarikat dan peserta.

Jenis-jenis perlindungan skim Takaful Am yang akan ditawarkan adalah bergantung kepada keperluan dan permintaan orang ramai yang menyertai skim takaful itu pada satu-satu masa. Syarikat takaful hanya menjalankan urusanniaga ke atas jenis-jenis perlindungan yang dirasakan perlu sahaja terutama jenis yang menjadi perlindungan yang dirasakan perlu sahaja terutama jenis yang menjadi keperluan sebahagian besar rakyat seperti kebakaran, kereta motor, kemalangan diri. Jenis perlindungan yang lain akan dilaksanakan dari masa ke semasa, apabila kumpulanwang Takaful Am bertambah dan menjadi lebih kukuh serta stabil dengan jumlah peserta-peserta yang semakin ramai.

Sebagai sebuah syarikat perdagangan, ia perlu mematuhi kepada kehendak-kehendak kebijaksanaan, profesionalisma dan kejujuran sama seperti syarikat perniagaan insurans yang

biasa. Salah satu amalan penting perdagangan insurans biasa ialah insurans semula. Oleh kerana insurans semula dapat melicinkan urusanniaga takaful, maka Badan Petugas telah berpendapat bahawa demi menjamin daya-jaya dan memandangkan kurangnya syarikat takaful yang telah wujud, maka syarikat takaful yang akan ditubuhkan ini akan mengadakan peraturan insurans semula dengan syarikat-syarikat insurans biasa di dalam atau di luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, undang-undang yang mengawal perjalanan perniagaan insurans biasa sekarang iaitu Akta Insurans, 1963 tidak sesuai untuk mengawal perjalanan syarikat takaful. Oleh yang demikian satu perundangan yang berasingan perlu diadakan bagi mengawal takaful. Rang Undang-undang Takaful 1984 digubal berlandaskan kepada Akta Insurans 1963, terutamanya bagi peruntukan berkaitan dengan perlesenan, pengawalan dan pemeriksaan dengan diadakan peruntukan tambahan yang sesuai dengan hukum syarak.

Ciri-ciri utama peruntukan Rang Undang-undang Takaful 1984 ini ialah seperti berikut:—

(i) **Takrif Takaful**

Takaful adalah ditakrifkan sebagai satu skim yang berasaskan kepada semangat perpaduan dan persaudaraan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan kewangan untuk saling bantu membantu di antara mereka yang memerlukan.

(ii) **Takrif Perniagaan Takaful**

Perniagaan Takaful ertinya perniagaan Takaful yang tujuan dan kendaliannya tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak diluluskan oleh syariah.

(iii) **Jenis Perniagaan Takaful**

Tuan Yang Dipertua, Takaful terdiri dari dua jenis iaitu Takaful Keluarga dan Takaful Am. Perniagaan Takaful

Keluarga adalah ditakrifkan sebagai satu skim yang memberi manfaat kepada peserta-peserta Takaful dan keluarganya. Perniagaan Takaful Am pula adalah semua perniagaan Takaful yang bukan perniagaan Takaful Keluarga, misalnya perlindungan ke atas harta benda seperti kereta motor, rumah dan sebagainya.

- (iv) **Lembaga Pengawasan Syariah** Tuan Yang Dipertua, menurut Seksyen 8(5) (b) Rang Undang-undang, Pejabat Ketua Pengarah Takaful tidak akan mengesyorkan melesen syarikat Takaful, kecuali Artikel Persatuan Syarikat, secara khusus memperuntukan penubuhan sebuah Lembaga Pengawasan Syariah, untuk menasihati dan memastikan syarikat takaful menjalankan urusanniaga menurut prinsip-prinsip Islam.
- (v) Menurut Seksyen 16 Rang Undang-undang, Syarikat Takaful dikehendaki menubuhkan dan menyelenggara Kumpulanwang Takaful yang berasingan bagi Takaful Keluarga dan Takaful Am. Semua caruman penyertaan untuk skim takaful oleh para peserta akan dikumpulkan ke dalam Kumpulanwang Takaful yang berkenaan. Dalam masa yang sama, wang yang terkumpul itu akan dilabur dalam bidang-bidang yang diharamkan oleh syarak.
- (vi) Seksyen 33 Rang Undang-undang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Takaful untuk memberi syarikat Takaful dan mempunyai akses kepada buku, akaun, rekod dan dokumen-dokumen lain. Tujuan peruntukan ini ialah bagi memastikan tindakan yang segera dapat diambil untuk

mengelakkan kemungkinan syarikat Takaful menghadapi kegagalan.

- (vii) Urusniaga Takaful Am khususnya, akan juga melibatkan kepada broker Takaful dan penyelaras kerugian Takaful seperti di bawah seksyen 37 dan 38. Ini akan memberi peluang kepada ramai lagi rakyat Malaysia, khususnya orang-orang Islam, untuk menyertai bidang perniagaan ini.
- (viii) Operasi Takaful Keluarga dikehendaki menjalankan penilaian aktuari secara tahunan seperti terdapat di bawah seksyen 42. Tujuan utama penilaian aktuari ini dilakukan ialah untuk memandu syarikat Takaful Keluarga merancang masa depan yang hendak dituju dan untuk menunjukkan prestasi pelaburan bagi memastikan syarikat berupaya membayar segala tanggungan.
- (ix) Seksyen 64 pula memperuntukan bahawa hanya mereka yang berumur 18 tahun ke atas sahaja layak untuk menyertai skim Takaful ini.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu, bagi membolehkan sesebuah syarikat Takaful menjalankan urusannya, pindaan-pindaan perlu dibuat kepada Akta Insurans 1963 dan Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Pindaan-pindaan kepada Akta berkenaan hanyalah merupakan pindaan susulan sahaja.

Tuan Yang Dipertua, ini adalah beberapa ciri utama Rang Undang-undang Takaful 1984, yang bertujuan untuk menyediakan peruntukkan bagi menubuhkan syarikat Takaful di negara kita ini dan seterusnya membolehkan umat Islam memperoleh manfaat daripada perkhidmatan sistem perlindungan yang sama seperti insurans tanpa sebarang keraguan dari segi prinsip Islam. Insya Allah, penubuhan

syarikat Takaful akan dapat memenuhi hasrat umat Islam dan semua penduduk negara ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan perniagaan takaful di Malaysia dan bagi lain-lain tujuan yang berhubung dengan atau berkaitan dengan takaful dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*5.24 ptg.*

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk berucap dengan seberapa ringkas yang boleh untuk menyokong Rang Undang-undang Takaful 1984.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini dalam Dewan yang mulia ini untuk diluluskan. Saya rasa telah tiba masanya untuk Rang Undang-undang ini ataupun insurans secara Islam ataupun syarikat-syarikat Takaful ditubuhkan di negara kita ini kerana kedapatan terutama sekali orang Islam kita telah dianianyai oleh insurans-insurans yang ada dalam negara kita ini yang mana cara pengendalian insurans-insurans yang ada pada hari ini ialah bukan mengikut dengan cara Islam tetapi adalah mengikut cara Barat maka penipuan telah berlaku kepada ahli-ahli insurans dan saya ucapkan syabas kepada pihak yang berkenaan kerana dapat membentangkan Rang Undang-undang ini dan akan menubuhkan sebuah

syarikat yang bernama syarikat Takaful. Kalau tidak salah saya takaful ini bermakna jaminan. Inilah satu syarikat yang akan memberi jaminan kepada umat Islam khususnya dan kepada umat-umat yang bukan Islam yang ada di negara kita ini.

Saya rasa sudah sampai masanya dan saya akan cuba bercakap dengan secara umum. Syarikat ini akan dibiayai oleh pihak Kerajaan sebanyak \$10 juta dengan tiada mengambil apa-apa faedah dan 51% nya adalah modal daripada Bank Islam dan bakinya ialah daripada Jabatan-jabatan Agama Islam di seluruh negeri maka saya rasa modal yang dikeluarkan ini adalah betul-betul datang daripada sumber-sumber cara Islam. Cuma saya ingin untuk memperingatkan kepada pihak Kerajaan ataupun pihak yang menjalankan tugas syarikat ini supaya Lembaga Pengarah ini mestilah jujur dan ikhlas dan juga terdiri daripada orang-orang yang benar-benar mengetahui berkenaan dengan Islam supaya syarikat ini ataupun syarikat Takaful ini dapat berjalan dengan baik ataupun dapat berjalan dengan secara mengikut lunas-lunas Islam, maka saya rasa perkara ini tidak akan dipertikaian oleh masyarakat yang mungkin akan mengatakan walaupun syarikat ini syarikat secara Islam tetapi perjalanannya bukan mengikut secara Islam. Sebab itulah saya ingin menarik perhatian supaya syarikat ini dapat berjalan betul-betul mengikut secara Islam.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi apabila syarikat ini ditubuhkan saya sungguh-sungguh berharap kepada pihak Kerajaan supaya penerangan yang sejelas-jelasnya patut diberi tahu ataupun patut diterangkan kepada rakyat seluruhnya khususnya rakyat yang beragama Islam supaya mereka ini benar-benar mengetahui tujuan dan maksud syarikat Takaful ini ditubuhkan supaya masalah ataupun perkara-perkara yang tidak diketahui ataupun

masalah-masalah yang tidak difahami oleh masyarakat dapat difahami oleh mereka itu. Kita tidak mahu berlaku perkara-perkara yang lepas sesuatu perkara yang baharu dibuat oleh pihak Kerajaan tetapi penerangan yang sejelas-jelasnya tidak diberi kepada rakyat khususnya di luar bandar maka sesudah itu timbullah masalah-masalah, perkara-perkara yang dipertikaikan oleh masyarakat Islam itu sendiri. Jadi, sekali lagi saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya penerangan yang sejelas-jelasnya patut diberi tahu kepada masyarakat Islam supaya masalah ini difahami dengan seluas-luasnya oleh orang-orang Islam itu sendiri.

Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa apabila syarikat ini ditubuhkan maka muncullah Lembaga-lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah ini sepertimana yang saya sebutkan tadi mestilah orang-orang yang begitu ikhlas dan faham masalah syarikat itu sendiri dan tahu selok belok berkenaan dengan prinsip-prinsip Islam ataupun cara-cara mengendalikan syarikat yang berunsurkan Islam ini. Tuan Yang Dipertua, saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan supaya berhati-hati dalam masa masalah ini terutama sekali masalah penerangan supaya tidak timbul masalah-masalah yang disebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya berasa syukur kerana insurans ini ataupun syarikat insurans ini yang dinamakan syarikat Takaful yang akan ditubuhkan, saya berharap akan melibatkan penyertaan petani-petani, mesti sebab itu saya sebutkan tadi supaya perkara ini diberi penerangan seluas-luasnya kepada petani-petani supaya petani-petani dapat menyertai dalam syarikat ini terutama sekali dalam tujuan syarikat ini iaitu yang Ke 2 itu ialah tujuan am. Dalam masalah ini kita berharaplah kepada pihak yang berkenaan supaya petani-petani dapat menyertai dalam syarikat ini dengan apa cara sekali pun dengan diberi tahu oleh Kerajaan cara-cara untuk menjadi ahli dalam syarikat ini iaitu untuk melindungi tanaman-tanaman yang ditanam oleh petani-

petani itu seperti padi dan sebagainya. Jadi sebab itulah sepertimana yang saya sebutkan biasanya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan juga sudah menyebutkan bahawa pada suatu masa nanti crops insurance, dengan izin, akan diadakan untuk petani-petani.

Jadi mengambil sempena dengan Syarikat Takaful ini, petani-petani patut digalakkan menyertai di dalam ini dengan apa cara sekali pun yang akan dikemukakan oleh pihak yang berkenaan supaya dapat kita menjamin sekiranya tanaman-tanaman ataupun hasil-hasil daripada petani itu sekiranya musnah dalam kebakaran dan sebagainya, dapat dibiayai oleh syarikat ini.

Jadi inilah yang saya berharap sekali supaya syarikat ini ditubuhkan bagi memberi faedah yang sewajarnya kepada masyarakat Islam khususnya dan kepada masyarakat yang bukan Islam yang ada di dalam negara kita ini supaya Rang Undang-undang yang kita luluskan hari ini akan memberi manfaat dan faedah kepada bangsa kita Islam dan juga rakyat di negara kita ini.

Setakat ini sahaja dan sekali lagi saya mohon menyokong Rang Undang-undang Takaful, 1984.

*5.31 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil sedikit perbincangan bagi meluluskan Rang Undang-undang Takaful, 1984 yang mana telahpun diterangkan dengan jelasnya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Sebelum itu saya mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini yang benar-benar berkehendakkan unsur-unsur Islam berjalan dalam negara ini sedikit demi sedikit oleh pucuk pimpinan kita pada hari ini. Oleh itu dalam masalah ini, sebagaimana yang saya katakan, agar tidak ada golongan-golongan yang menanggung di air

keruh, menjalankan dakyah-dakyah, memburukkan Kerajaan kita pada hari ini berhubungan dengan Rang Undang-undang Takaful 1984 ini ataupun insurans yang akan ditubuhkan mengikut lunas-lunas Islam yang boleh orang-orang Islam memasuki semuanya dengan tidak merasai curiga ataupun wasangka tentang kebaikan ataupun pendapatan dari hasil kalau sekiranya takaful ini mereka masuki agar wang yang mereka perolehi nanti adalah wang halal yang tidak boleh dipertikaikan oleh orang lain, iaitu sebagaimana tafsiran di sini, undang-undang ini telahpun digubal begitu lama daripada tahun 1982.

Di sini juga saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang mengusahakan undang-undang ini iaitu kepada Professor Datuk Ahmad Ibrahim sebagaimana yang diterangkan tadi yang berusaha bagi menggubal Rang Undang-undang Takaful, 1984. Sebagaimana saya katakan tadi, Kerajaan kita telahpun mula pertamanya mengadakan Universiti Islam dalam negara kita ini. Begitu juga kita berkehendakkan bank secara Islam, Kerajaan juga telahpun menubuhkan Bank Islam dan banyak lagi cara Islam yang kita telah jalankan, sehinggalah pada hari ini kita akan meluluskan perniagaan insurans ala-Islam ini sebagaimana saya katakan tadi, mudah-mudahan tidak ada golongan-golongan manusia yang mempertikaikan Akta ini apabila kita telah luluskan.

Sebagaimana yang telah diterangkan, industri insurans ini adalah suatu industri yang boleh mendatangkan kewangan dan melebihi pendapatan ekonomi negara dan juga di samping itu dapat menolong rakyat dan Kerajaan supaya wang-wang yang selama ini, insurans-insurans boleh dikatakan dipunyai ataupun ditubuhkan di dalam negara ini yang ibu pejabatnya adalah daripada luar negeri yang mana sekian masanya begitu banyak wang-wang telah dibawa ke luar negeri hasil daripada insurans-insurans yang dijalankan dalam negara

kita ini. Oleh hal yang demikian, bagi mewujudkan insurans ini supaya dapat berjalan dengan baik, saya berharap supaya pihak Kerajaan meminta semua agensi-agensi Kerajaan sekarang ini supaya menginsurans ataupun mentakafulkan kesemuanya dalam takaful Islam ini.

Begitu juga saya berharap kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya pihak Kerajaan mengarahkan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang hendak menginsuranskan nyawa, kereta ataupun sebagainya sebagaimana yang dikatakan tadi, takaful ini ada dua, iaitu satu Takaful Keluarga dan satu lagi Takaful Am. Takaful Keluarga ini yang saya dapat tahu ialah untuk keluarga, untuk nyawa kita kalau telah meninggal dunia dan sebagainya, untuk bekalan, apabila kita telah meninggal kemungkinan ini akan dapat mengurangkan sedikit sebanyak kesusahan keluarga kita dengan adanya insurans yang telah diinsuredkan nyawa mereka itu, apabila meninggal dunia waris-waris mereka akan dapat sedikit sebanyak wang untuk menyara hidup dan sebagainya.

Oleh itu dalam masalah ini bagi menjayakannya, saya berharap supaya pihak Kerajaan membenarkan kakitangannya dan Ketua-ketua Jabatan mereka untuk masuk dalam takaful ini supaya boleh dipotong gaji mereka daripada Jabatan bagi membolehkan berapa-berapa jumlahkah yang hendak mereka insuranskan nyawa mereka.

Di samping itu juga dalam Takaful Am tadi, ini rasa saya supaya takaful ini akan berjalan dan hidup sampai hari kiamat, kita tidak mahu melihat apa yang telah diwujudkan oleh Kerajaan, banyak agensi-agensi Kerajaan yang telah diwujudkan, syarikat-syarikat umpamanya, banyak yang menanggung kerugian oleh kerana sebagaimana Yang Berhormat ada mengatakan kepada saya tadi, oleh kerana pentadbiran tidak begitu baik dan begitu juga pegawai-pegawai yang ditugaskan tidak begitu

jujur dan ikhlas, sehinggakan banyak syarikat-syarikat yang telah diwujudkan oleh Kerajaan mendapat kerugian begitu banyak oleh kerana ketidakjujuran dan keikhlasan dari pegawai-pegawai yang telah diberi amanah oleh pihak Kerajaan.

Oleh itu, saya berserulah kepada mereka ini apabila telah dilantik jalankanlah cara-cara Islam supaya apa yang dikehendaki oleh umat Islam pada hari ini dapat kejayaan di dalam insurans ataupun Undang-undang Takaful ini berjalan dengan baik. Kita tidak mahu insurans ini banyak penyelewengan berlaku. Umpamanya insurans am, kalau kita jalankan nanti kemungkinan banyak berlaku, umpamanya sekarang ini kenderaan, kadangkala kenderaan itu tidak begitu teruk tetapi dilanggar, diketuk, diambil gambar dan sebagainya, report kepada polis, selepas itu pergi ke pejabat, claim begitu banyak dengan adanya pula imbuhan dan sebagainya kepada orang yang bekerja dengan Takaful ini nanti.

Oleh itu kita harap supaya perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku, yang tiada jangan diada-adakan. Kalau buat macam insurans-insurans yang ada pada hari ini oleh kerana insurans begitu banyaknya untuk berniaga, mereka ini macam-macam cara yang mereka buat, kita takut wang Kerajaan yang diperuntukkan ini akan habis, kejayaannya tidak ada. Itulah harapan saya kerana masalah ini selalu berlaku.

Soalan yang lain, insurans keluarga tadi, ini pun kalau insurans sekarang ini tiap-tiap orang Islam yang telah meninggal dunia iaitu jikalau sekiranya tidak tahu apa penyakit dan seterusnya, kerana undang-undang ini, tidak tahulah, kerana saya belum baca habis, adakah mereka ini kalau meninggal dunia, dilanggar dan sebagainya hendaklah dihantar ke hospital supaya dibedah (post-mortem) sebagaimana yang berlaku. Kalau ini berlaku, saya rasa mengikut undang-undang Islam kalau sudah mati atau meninggal, sudah sah

dilanggar kereta atau keretapi dan seterusnya, mereka itu tidak usah lagi diadakan post-mortem dan sebagainya. Memadailah apa yang telah dikatakan dan diperiksa begitu sahaja dan bolehlah mereka itu mendapatkan wang insurans ini. Kerana perkara ini, kalau mengikut insurans yang telah ada, kadang-kadang berbulan-bulan, bertahun-tahun baru keluarga mereka mendapatkan wang yang dikatakan ada, tetapi kena pula mengambil loyar dan sebagainya sehinggakan perkara ini berlanjut-lanjutan sedangkan mereka ini ada kalanya berkehendakkan wang itu dengan seberapa segera bagi menampung kesusahan ataupun keadaan keluarga-keluarga mereka. Dalam masalah ini kita berharap supaya dapat benar-benar Rang Undang-undang ini apabila dijalankan nanti mengikut betul-betul cara Islam yang tidak menyeleweng atau mengikut insurans-insurans yang lain kerana rasa saya ada juga masalah di dalam ini diikuti insurans-insurans yang lain, kerana kita ini baru, kemungkinan pindaan-pindaan di masa akan datang akan diadakan, tetapi buat masa ini itulah harapan saya supaya perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku.

Soal-soal yang lain, sebagaimana saya katakan tadi iaitu dalam masalah ini kita berharap Perkara 8 ini kuasa-kuasa Ketua Pengarah Takaful, tugas dan tanggungjawab mengendalikan takaful dan juga memperuntukkan dan begitu juga dengan perbuatan curang yang dikaitkan dengan perjalanan perniagaan ini seperti pertanyaan yang mengelirukan, keupayaan kanak-kanak membuat kontrak takaful dan lain-lain keupayaan untuk membuat kontrak. Oleh itu dalam masalah inilah sebagaimana saya katakan tadi, supaya kuasa-kuasa yang ada supaya jangan disalahgunakan dalam masalah menjalankan insurans ataupun syarikat ini nanti.

Satu lagi sebagaimana diterangkan tadi, iaitu syarikat ini buat masa ini tiada agen dan sebagainya, akan

dijalankan ada satu sahaja, jikalau telah dibuka nanti, supaya agen-agen atau broker atau yang lain-lainnya saya berharap supaya undang-undang ini juga kita tidak mahu besok hanya kepada mereka yang pandai yang pada mereka yang senang lenang sudah ada syarikat yang begitu besar dan sebagainya hendak pula lagi syarikat ini dikongkong oleh mereka.

Dalam masalah ini juga kita berharap kepada Kerajaan supaya berhati-hati supaya dapat sama rasa kepada khasnya kaum bumiputera di dalam perniagaan ini, diberilah kalau dia belum ada insurans atau syarikat-syarikat lain, bagi kepada mereka jikalau mereka itu ada modalnya, tetapi kalau tiada modal, jangan beri kemungkinan lingkup nanti. Oleh itu kita berharap supaya orang-orang besar, peniaga-peniaga besar supaya jangan pula tamak atau haloba untuk mengambil hal ini supaya tidak dapat kepada orang-orang lain. Itulah saya berharap kepada Dewan ini mudah-mudahan niat baik dan usaha Kerajaan pada hari ini lebih-lebih lagi kepada pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dr. Mahathir yang benar-benar berusaha untuk menjadikan Malaysia ini sebagai unsur-unsur dan nilai-nilai Islam yang dijalankan dalam negara ini mudah-mudahan akan berjaya dan mudah-mudahan Tuhan akan memberikan taufik dan hidayah dan juga akan memberikan rahmatNya kepada kita semua dalam negara kita ini mengikut luno-lunās Islam yang akan datang.

Oleh itu dengan ini saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain mengucapkan terima kasih dan tahniah dan begitu juga saya berdoa kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan undang-undang atau syarikat ini akan berjalan dengan baik dan mendapat kejayaan. Oleh itu dengan ini saya sama-sama menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan dan dapat berjalan dengan baik. Sekian, terima kasih.

5.47 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:**  
Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang Dipertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama dengan rakan-rakan untuk membahaskan atau untuk memberi pandangan-pandangan serba ringkas di dalam Rang Undang-undang Takaful 1984 yang telahpun dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan baru-baru tadi. Alhamdulillah saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. yang telah memberikan pertunjukNya kepada pucuk pimpinan untuk menggubal satu undang-undang sistem perlindungan yang telahpun diberi nama takaful.

Saya rasa Rang Undang-undang Takaful ini adalah satu daripada undang-undang yang sepatutnya telah berjalan dalam negara kita yang telahpun merdeka semenjak 27 tahun ini. Tetapi sebagaimana yang telah saya sarankan di dalam membahaskan Akta Mahkamah Syariah tempoh hari, kita tidak kesal di atas keadaan yang telah lalu tetapi kita bersyukur di atas keadaan yang ada sekarang. Bahawa Rang Undang-undang Takaful 1984 yang digubal ini sudah dipastikan dan sudah diteliti, sudah dimuzakarahkan dan sudah diperbincangkan bahawa syarikat takaful ini memberi jalan keluar pada umat Islam yang selama ini meraba-raba mencari sesuatu jalan bagi membersihkan kehidupan mereka di dalam mencari perlindungan insurans sebagaimana yang kita sama-sama maklum.

Selama ini yang menjadi masalah kepada kita ialah mencari insurans yang berunsur keislaman terutama sekali di dalam insurans nyawa, yang muktamad memang tidak diizinkan oleh Allah-taala kerana ia bercanggah dengan hukum syarak sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. Tadi dalam masalah yang lain, ada ulama yang

berani menyatakan bahawa kerana muslihat am, seperti insurans kerana hendak membaharui lesen kereta dan sebagainya, kerana ini muslihat am, maka ada yang membolehkan tetapi dalam masalah perlindungan keluarga ini, rasa saya tiada ulama yang berani untuk menyatakan itu boleh.

Jadi, dengan lahirnya syarikat takaful ini ataupun sistem perlindungan menurut secara Islam ini, saya harap kita akan dapat jalankan dengan secepat mungkin dengan tidak menantikan masa yang paling panjang dan tidak menantikan orangramai atau umat Islam bercakap lebih banyak malahan Kerajaan haruslah berani dalam melaksanakan syarikat ini dengan secepat mungkin. Kerana persediaan-persediaan untuk melancarkan syarikat takaful ini, saya fikir tentulah sudah ada hanya menantikan masa bila hendak dilancarkan.

Jadi sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa konsep takaful ini ialah niat menolong untuk memberi kerjasama, memberi perasaan persaudaraan di antara umat Islam yang mengambil insurans takaful ini.

Jadi, kalau ini telah dapat dijelaskan dan diberitahu bahawa syarikat takaful ini menunjukkan memasang niat tatkala kita hendak mengambil syarikat ini nanti maka kita akan diijabkabulkan, ada timbang terima diantara insurans dan ahli yang akan mengambil insurans.

Kemudian yang disentuh di dalam masalah takaful ini kebimbangan sebagaimana kata Yang Berhormat rakan yang terdahulu daripada saya tadi kebimbangan takaful ini pada saya haruslah tidak timbul, kerana lunas-lunas yang berunsurkan keislaman kalau berjalan secara keimanan, maka kebimbangan itu tidak timbul, cuma yang menjadi masalah kepada kita bahawa di dalam perlantikan Lembaga Pengarah di dalam syarikat takaful ini, saya sarankan supaya pihak Kementerian

yang berkenaan dapat meletakkan setiap negeri ada wakil di dalam Lembaga Pengarah ini supaya dapat Pengarah-pengarah yang dilantik daripada peringkat negeri ini menyarankan lebih cekap, lebih baik dan lebih sempurna dan dapat dipertanggungjawabkan kepada penduduk-penduduk Islam di dalam negeri-negeri mereka.

Dan syarikat ini hanya dapat dilancarkan hanya satu sahaja dan sebagaimana sahamnya 51% Bank Islam, 49% Majlis Agama Islam. Saya menekankan di dalam Majlis Agama Islam yang mengambil saham 49% ini kita mahu supaya Majlis-majlis Agama yang ada Baitulmal tidak teragak-agak dan Kementerian akan menggalakkan bukanlah hendak dikatakan paksa tetapi boleh sampai kepada peringkat paksa supaya setiap negeri melibatkan diri di dalam sahaman yang diperuntukkan 49% kepada Majlis Agama Islam Negeri.

Selain daripada itu caruman yang akan diperbuat sebagaimana yang dijelaskan di dalam pembentangan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu akaun peserta dan akaun khas. Saya rasa dalam masalah konsep Mudhrabah sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa kita mewakili harta kita untuk diperniagakan kepada seseorang atau satu badan mengikut aturan-aturan yang telah dibuat iaitu peraturan-peraturan yang berdasarkan undang-undang perniagaan di dalam Islam.

Jadi, apa yang membimbangkan saya manakala urusan niaga insurans ini mungkin akan dibuat dalam insurans dalam negeri dan luar negeri.

Di dalam masalah ini pihak Menteri haruslah berhati-hati di dalam menerbitkan masalah ini, kerana apa yang berlaku di dalam Amanah Saham Nasional yang telah berbangkit berkali-kali bahawa kedapatan di dalam pelaburan Amanah Saham Nasional itu kepada perniagaan-perniagaan yang tidak dibolehkan oleh Islam, umpamanya

melibatkan dalam bank-bank yang tidak mengikut dasar-dasar Islam ataupun kepada perniagaan-perniagaan seperti syarikat-syarikat minuman yang diharamkan dan timbul beberapa masalah di dalam pelancaran ASN tempoh hari.

Saya gambarkan ada kemungkinan manakala takaful ini disogokkan kepada masyarakat Islam maka akan timbul tentang tuduhan-tuduhan sebagaimana yang berlaku kepada Amanah Saham Nasional itu.

Jadi, oleh kerana itu sebelum syarikat ini dilancarkan, haruslah kita mempunyai beberapa orang pakar-pakar kita untuk memberi penerangan-penerangan yang jelas kepada masyarakat Islam baik dalam bandar lebih-lebih lagi di luar bandar. Dan kita beri gambaran inilah satu syarikat yang boleh memberi pertolongan kepada umat Islam sebagai jaminan untuk masa depan kita. Dan haruslah kita terangkan kepada mereka bahawa syarikat insurans ini adalah syarikat yang benar-benar berlunaskan kepada ajaran Islam ataupun berlunaskan kepada perniagaan secara Islam.

Kemudian saya menyentuh di dalam masalah penyertaan ahli yang dibolehkan menjadi ahli di dalam syarikat takaful ini sebagaimana Rang undang-undang ini mencatatkan bahawa umur 18 tahun ke atas dibolehkan menjadi ahli.

Saya mencadangkan kalaulah ini berlunaskan kepada Islam, berlunas kepada perniagaan secara Islam maka saya mencadangkan supaya umur ini diturunkan 15 tahun iaitu sesuai dengan umur baligh seseorang Islam, tidaklah 18 tahun. Kalau 18 tahun ini ada chance orang lain boleh masuk, sebab 18 tahun ini bukan dasar kita. Yang dasar kita ialah 15 tahun sudah dihukumkan baligh, sudah mempunyai tanggungjawab dan sudah semestinya mendapat perlindungan di dalam sistem takaful kita ini.

Jadi itulah, Tuan Yang Dipertua, saya menekankan supaya semua urusan-

urusan yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Takaful ini akan dapat dijalankan supaya jangan sampai ada unsur-unsur yang kurang sihat timbul di dalam pelancaran syarikat takaful ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan bersyukur serta berdoa mudah-mudahan umat Islam dalam negeri kita ini akan dapat mengenali apakah perniagaan, perlindungan ataupun insuran ini secara Islam dapat dijalankan dalam negeri kita ini.

Jadi saya mengambil kesempatan ini bersama-sama dengan rakan-rakan menyokong bahawa Rang Undang-undang Takaful ini diluluskan di dalam Dewan kita.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Professor Datuk Haji Ahmad Ibrahim yang telah pun menggunakan tenaga begitu banyak di dalam mengumpulkan lunas-lunas bagi pelancaran ataupun bagi menggubal Rang Undang-undang ini dan saya anggap inilah satu jariah kepada beliau yang akan ditinggalkannya untuk umat Islam di dalam negeri ini. Dan kita tidak ragu-ragu bahawa kita berdoa mudah-mudahan ini satu jalan keluar bagi kita dalam menyelamatkan masalah kehidupan kita sehari-hari.

Sekian, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

6.00 ptg.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, pertamanya saya ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang yang sedang kita perbincangkan sekarang ini.

Boleh dikatakan ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat telah menegaskan

supaya penerangan yang sesuai, yang meluas hendaklah diberikan kepada segala umat Islam khususnya, amnya kepada rakyat negara ini supaya pengertian takaful tidak disalahgunakan, ataupun tidak disalah ertikan oleh mana-mana pihak terutama sekali pihak yang ingin menggunakan takaful ini untuk, dengan izin, political mileage mereka. Insya Allah, Tuan Yang Dipertua, perkara ini akan diambil ingatan dan segala upaya akan dibuat untuk memberi penerangan sebanyak yang mungkin, malah sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan ke Dewan yang mulia ini, pihak yang berkenaan, yang berwajib telah pun memberi penerangan sama ada melalui televisyen, akhbar malah melalui mass-media supaya penerangan yang jelas, yang banyak dapat diberikan kepada semua yang berkenaan di dalam perkara ini.

Sekali lagi di atas ingatan ini saya berterima kasih, cuma kita harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga memainkan peranan sewaktu balik nanti ke rumah masing-masing berikanlah penerangan-penerangan terutama sekali Yang Berhormat Yang Berhormat tidak ada kawasan, tidak gaduh, beri sahajalah penerangan-penerangan yang baik tentang takaful ini, insya Allah kita sama-sama akan berjaya.

Berkenaan dengan Lembaga Pengarah, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood yang mengingatkan supaya mereka yang duduk di dalam Lembaga Pengarah ini terdiri daripada mereka yang bukan sahaja jujur, tetapi yang mempunyai kelayakan yang cukup. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim meminta agar wakil-wakil dari negeri menduduki di dalam Lembaga Pengarah. Kedua-dua cadangan dan ingatan ini adalah amat baik, kita akan cuba sedaya upaya memenuhi cadangan ini. Soalnya sama ada mereka ini nanti akan mewakili tiap-tiap negeri, ini terpulanglah kepada tuannya Syarikat Takaful ini, yang

mana tuannya syarikat ini ialah 51% Bank Islam dan bakinya, yang 49% itu adalah terdiri daripada Majlis Agama Negeri-negeri.

Menyebut sedikit tentang perkara ini, satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah tadi, supaya hendaklah orang yang sudah berada tidak diberi banyak sangat keuntungan daripada sini, barangkali dari segi kepunyaan, jadi secara tidak langsung saya telah menjawab perkara ini, kerana setakat yang dirancangan ketika ini orang-orang individu setidak-tidaknya bagi Syarikat Takaful ini tidak akan mempunyai sebarang modal, kerana seperti saya katakan tadi hanya Bank Islam dan Majlis Agama Negeri-negeri akan menjadi taukehnya dalam Syarikat Takaful ini. Tetapi kalau sekiranya Syarikat-syarikat Takaful yang akan datang, yang kedua, yang ketiga dan seterusnya diadakan, ini terpulanglah kepada keadaan pada waktu itu.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah juga telah menyarankan supaya pegawai-pegawai Kerajaan menyertai takaful, saya sendiri menyambut baik cadangan ini, tetapi bagi memaksa mereka ini agak sukar, sebab ini terpulanglah kepada orang-orang persendirian, cuma yang dapat kita perlakukan sebagai Kerajaan yang hendak menerapkan unsur-unsur Islam ke dalam Kerajaan ialah mengadakan, kalau dalam bidang insurans, misalnya kita mengadakan insurans mengikut sistem ataupun cara-cara yang dibenarkan oleh Islam, jadi kita berharaplah perkara ini dapat dilaksanakan, tetapi agak sukar bagi kita memaksa mereka itu menyertai atau tidak, ini terpulang kepada yang berkenaan.

Ada lagi satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah mengenai tuntutan sewaktu seseorang ahli takaful mengalami atau mendapat sama ada kecederaan ataupun kematian. Insya Allah kita percaya Syarikat

Takaful yang akan ditubuhkan ini hendaklah memastikan segala perkhidmatan ataupun service dalam takaful ini seharusnya kalau tidak sama baik dengan syarikat-syarikat insurans biasa, hendaklah lebih baik daripada syarikat-syarikat insurans biasa, kerana kita percaya dengan cara ini perkembangan takaful sebagai satu syarikat perniagaan akan mendapat sambutan dari orang ramai. Tetapi sama ada seseorang itu terpaksa dikenakan post-mortem, rasa saya agak sukarlah bagi saya hendak menjawab di sini, kerana ini perkara yang terkeluar sedikit daripada Undang-undang Takaful yang kita bincangkan sekarang. Namun begitu, kita harap apa yang perlu di sini ialah bagi seseorang yang mengalami kemalangan sama ada kematian ataupun kecelakaan yang lain hendaklah atau sepatutnya mendapat pampasan ataupun mendapat bayaran sejajar atau sewajarnya seperti yang telah dipersetujui sewaktu menyertai Syarikat Takaful ini.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perundangan yang kita sedang bincangkan, cuma satu lagi perkara yang agak saya perlu hendak sebutkan di sini, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood berkenaan dengan penyertaan petani-petani. Memanglah kita harap mereka ini dapat menyertai sebagai seorang yang ingin menyertai insurans yang berlandaskan Undang-undang Agama Islam, tetapi agak sukar juga pada permulaannya pada pandangan saya untuk kita mengadakan perlindungan pertanian di bawah Syarikat Takaful ini, kerana perlindungan pertanian sebenarnya adalah konsep insurans yang sedang dikaji. Kita harap satu kajian yang telah kita umumkan beberapa bulan yang lalu akan dapat kita ketahui dari segi viabilitinya di negara kita ini dan kalau sekiranya kita dapati bahawa perlindungan pertanian ataupun insurans pertanian ini

dapat dijalankan oleh insurans biasa selepas itu barangkali bolehlah kita pindahkan daripada insurans biasa kepada insurans mengikut Undang-undang Islam yakni takaful.

Sebenarnya yang penting di sini apabila kita menyebut takaful cuma apabila takaful itu ertinya insurans ini berlandaskan Undang-undang Agama Islam yang tidak bertentangan dengan Undang-undang Syariah. Itu sahaja bezanya. Dari segi peranan takaful ataupun insurans biasa terhadap sama ada am ataupun keluarga yang diterjemahkan sebagai life insurance sedangkan takaful am itu diterjemahkan sebagai general insurance, kemudian kalau kita mengadakan crops insurance ataupun insurans pertanian maka mungkin jugalah perlindungan pertanian ini diletakkan di bawah takaful setelah ianya berkembang dengan lebih jaya dahulu tetapi pada permulaannya barangkali hanya takaful am dan tafakul keluarga sahaja yang dapat syarikat ini jalankan sehingga ianya lebih matang, sehingga ianya lebih kukuh, sehingga ianya lebih kuat dari segi keupayaan menerima risiko-risiko. Saya kira agak sukarlah pada permulaannya polisi-polisi tertentu yang khusus yang dapat kita perkenalkan selain daripada takaful am dan takaful keluarga.

Sekali lagi, Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6B* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

*Jadual Pertama dan Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1983 DAN 1984)**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

*6.13 ptg.*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1983 dan 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu maksud-maksud tertentu, di baca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$1,178,644,445 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai dua Anggaran Tambahan iaitu Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1983 berjumlah \$22,606,160 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1984 berjumlah \$1,156,038,285. Kedua-dua Anggaran Tambahan ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut kehendak Perkara 101 Perlembagaan dan Rang Undang-undang tersebut telahpun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 4hb Disember, 1984.

Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya bercadang hendak mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1983. Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$22,606,160 bagi perkhidmatan tahun 1983, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1983 yang asal serta Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1983.

Dari jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki dalam Anggaran ini, sebanyak \$21,921,300 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan Emolumen di bawah Maksud B.26 — Kementerian Pertahanan bagi membiayai bayaran gaji kepada Anggota Tentera dan bakinya sebanyak \$684,860 adalah untuk membiayai 'Lain-lain Perbelanjaan Mengurus' bagi Maksud B.41— Jabatan Penjara dan Maksud B.45— Kementerian Penerangan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan. Mengurus Tambahan Kedua, 1983 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1984 dan dalam Memorandum Pembendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1984. Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan berjumlah \$1,156,038,285 bagi perkhidmatan tahun 1984, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1984 yang asal.

Sebenarnya, peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984 adalah berjumlah \$1,156,282,478 tetapi sebanyak

\$1,156,038,285 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, kerana baki daripada peruntukan tersebut sebanyak \$244,183 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Dari jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki di bawah Perbelanjaan Bekalan, sebanyak \$15,258,892 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai 'emolumen' dan bakinya sebanyak \$1,140,509,393 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai lain-lain perbelanjaan yang diperlukan oleh beberapa buah Kementerian dan Jabatan.

Tambahan terbesar berjumlah \$1,011.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.32 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi menambah peruntukan tiga Kumpulanwang iaitu sebanyak \$1,000 juta adalah untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan sebanyak \$11.5 juta adalah untuk Akaun Stor dan Woksyop belum diuntukkan dan sebanyak \$100,000 adalah untuk Kumpulanwang Amanah Orang Malaysia di Seberang Laut.

Selain dari itu, tambahan sebanyak \$42 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus jabatan tersebut. Di bawah Maksud B.36 Kementerian Kesihatan sebanyak \$25 juta adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan serta pemilikan harta modal. Sebanyak \$23.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29 — Kementerian Luar Negeri untuk menampung kekurangan peruntukan perbelanjaan mengurus bagi Kementerian tersebut.

Di bawah Maksud B.63 — Kementerian Kerja Raya sebanyak \$12.3

juta adalah dikehendaki untuk menambah peruntukan bagi membiayai emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta pemilikan harta modal dan di bawah Maksud B.38 — Polis Diraja Malaysia sebanyak \$11.4 juta adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan tambahan kos kakitangan, pengangkutan barang-barang, utiliti dan perbelanjaan penyelenggaraan serta pembaikan. Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1984 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Haji Latif bin Haji Dris:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1983 dan 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang ditentukan dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

6.24 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian bagi meluluskan satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Yang Disatukan untuk

perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1983 dan 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu yang mana telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Sejumlah \$22,606,160 dari Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan bagi tahun 1983 dan sejumlah \$1,156,038,285 bagi tahun 1984 yang mana yang kita hendak luluskan wang yang disebutkan telahpun dipergunakan untuk maksud-maksud yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Kita hairan tiap-tiap tahun anggaran telah dibuat begitu rapi oleh semua jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian tetapi tiap-tiap tahun juga kita akan pula mengadakan lagi perbincangan untuk meluluskan belanja yang berlebihan dibuat tiap-tiap tahun.

Oleh hal yang demikian, saya berharap, Tuan Yang Dipertua, supaya perkara seumpama ini kalau boleh tidak usahlah dilakukan lagi di masa-masa yang akan datang. Tiap-tiap peruntukan yang telah dibuat tiap-tiap tahun itu supaya dapat dibelanjakan dan juga dapat disenaraikan tanpa membazir, kerana dalam masalah ini pembaziran banyak berlaku. Dalam Parlimen ini sama ada Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat dan juga orang ramai merungut dan bertanya-tanya umpamanya kenderaan-kenderaan yang tidak terpakai, ini semuanya wang, projek-projek yang telah dibayar tetapi tidak dijalankan, ini semua punca wang juga. Oleh itu, dalam masalah ini saya rasa yang menanggung dan menerima akibat tohmahan adalah Kerajaan.

Sebenarnya, perkara ini berlaku saya sekali lagi mengatakan janganlah pegawai-pegawai Kerajaan marah oleh kerana mereka ini tidak menjalankan tugasnya. Tolonglah sedikit jalankan kerja-kerja dengan baik supaya pihak Kerajaan tidak rugi dan di samping itu dapat pihak Kerajaan membelanjakan wang-wang ini dengan baik dan di

samping itu juga pihak Kerajaan akan dapat memberi kepada rakyat yang miskin supaya mereka ini dapat hidup dan mewah dan tidak lagi pihak-pihak ini mengatakan Kerajaan tidak adil dan seterusnya yang berlaku pada hari ini.

Oleh itu, dalam masalah ini kita berharaplah sebagaimana saya katakan tadi supaya kakitangan Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan jalankanlah dengan jujur dan ikhlas di atas kerja-kerja yang telah diberikan supaya tidak ada lagi permintaan wang-wang tambahan yang lain. Negara kita ini negara yang begitu susah juga sungguhpun kita ada hasil yang kita dapat daripada minyak. Sekarang ini Alhamdulillah. Jikalau kita harapkan hasil-hasil getah, bijih, kelapa sawit dan seterusnya, rasa saya kalau tidak ada pertolongan daripada Allah s.w.t. mengeluarkan minyak di negara kita ini, kemungkinan negara kita susah, tetapi Alhamdulillah Tuhan yang maha kuasa telah memberikan suatu sumber lagi kewangan dalam negara kita ini. Dengan adanya keluaran minyak dalam negara kita ini Alhamdulillah dapat kita tanggung lagi.

Dalam masalah ini kita haraplah dengan adanya keluaran minyak yang mana dikatakan lebih kurang 23 tahun ataupun 25 tahun lagi boleh dipakai, oleh itu dalam masalah ini biarlah kita berjimat-jimat sungguhpun masanya tidak begitu lama lagi, kita haraplah supaya cara berjimat-jimat itu dapat dijalankan dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, soalan-soalan yang lain sebagaimana yang dikatakan di sini biarlah saya masuk dahulu dalam peruntukan Parlimen, kemungkinan peruntukan ini kerana Dewan ini bocor ataupun memperbaiki Dewan ini dahulu perbelanjaan sebanyak \$580,000, peruntukan ini ialah di bawah seksyen 3. Tetapi yang malangnya sebagaimana yang saya sebutkan dalam ucapan saya lima, enam hari yang lalu berhubung dengan apa yang berlaku di Parlimen ini khasnya di tempat duduk saya ini. Hujan dahulu semalam dan semalam

pula dipenuhi air, terpaksa saya lari ke belakang pada-hal Parlimen ini baharu sahaja diperbaiki. Oleh itu kita hendak tahu apa kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor yang telah mengambil duit itu. Kontraktor-kontraktor ini juga saya harap supaya jujur dan ikhlas kepada Kerajaan, janganlah mereka mengharapkan laba dan keuntungan untuk kepentingan perut mereka sendiri sahaja.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat boleh menyambung esok.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Terima kasih, saya akan menyambung esok.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*